

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV	Bil. 15	Hari Khamis	4 Jun 1998
----------	---------	-------------	------------

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998.** (Ruangan )

**Rang Undang-undang Kumpulan Wang Perusahaan Getah  
(Penanaman Semula) (Pindaan) 1998** (Ruangan )

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan** (Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Pertama  
Penggal Keempat  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,  
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,  
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)



**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/  
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DN.4.6.98

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 4 Jun 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****BIASISWA JPA - KEGAGALAN MEMBAYAR BALIK**

1. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam mengatasi masalah menempatkan pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah tamat kursus dengan jaya dan setakat ini berapakah pemegang biasiswa JPA yang telah pecah kontrak dan berapa pula dijadikan bankrap kerana gagal membayar balik biasiswa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:**

Tuan Yang di-Pertua, pemegang-pemegang biasiswa JPA adalah dikehendaki berkhidmat dengan kerajaan untuk sesuatu tempoh yang tertentu setelah mereka menamatkan pengajian dengan jayanya. Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam tidak menghadapi masalah besar dalam menempatkan pemegang biasiswa kerana bilangan pemegang biasiswa JPA adalah kecil dan sebahagian besar daripadanya dalam bidang-bidang yang sangat dipedulikan oleh perkhidmatan awam seperti bidang perubatan dan pergigian.

Pemegang-pemegang biasiswa JPA yang enggan mematuhi syarat-syarat perjanjian biasiswa JPA akan dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi dalam jumlah yang ditetapkan. Sekiranya mereka gagal untuk membayar ganti rugi, mereka akan dikenakan tindakan undang-undang dan tindakan kebangkrutan akan dilakukan dengan secara the last resort, dengan izin. Pada masa ini daripada 1,500 orang pemegang-pemegang biasiswa yang telah dikenakan tindakan undang-undang dan 89 orang daripadanya sedang di dalam proses tindakan kebangkrutan. Sungguhpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada yang diisytiharkan bankrap.

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa seseorang pemegang biasiswa terpaksa memenuhi satu perjanjian, iaitu perjanjian perkhidmatan. Saya ingin bertanya bahawa sekiranya seseorang pemegang biasiswa itu telah menamatkan pelajarannya, kerajaan tidak dapat memberi satu tawaran pekerjaan. Berapa lama mereka harus menunggu sebelum mereka boleh dilepaskan untuk bekerja dengan swasta?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, 12 bulan.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa ramai di antara pemegang biasiswa JPA ini dikenakan tindakan. Apakah jenis tindakan, adakah mata wang ataupun denda bagaimana yang dikenakan kepada mereka yang tidak mengikut arahan ini?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya menyatakan tadi ada seramai 1,500 orang yang sedang diambil tindakan oleh kerajaan. Ini merupakan tindakan meminta balik wang yang telah diberikan kepada mereka sama ada melalui pinjaman ataupun kerana pecah perjanjian. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun dikatakan 1,500 orang itu ramai kalau dibandingkan dengan jumlah mereka yang ditaja oleh kerajaan ataupun JPA yang dianggarkan berjumlah 400,000 ke 500,000 orang sehingga kini, 1,500 orang itu adalah kecil bilangan, iaitu saya telah kira secara sepintas lalu tadi, tidak melebihi daripada 0.5%.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapa ramaikah jumlah pelajar-pelajar yang masih menuntut di luar negara seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom, New Zealand, Australia dan sebagainya yang terlibat dengan pinjaman biasiswa JPA yang kita dapat tahu kerajaan memberi peruntukan tambahan untuk membantu mereka ini supaya menamatkan pengajian mereka?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Sehingga hujung tahun 1997, Tuan Yang di-Pertua, kita ada lebih kurang 4,500 orang pelajar lagi yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara. Walau bagaimanapun, sebahagian lebih kurang 1,500 yang dihasrat akan dihantar pada tahun ini tidak dapat dihantar kerana seperti mana kita sedia maklum ekonomi kita meleset. Walau bagaimanapun, semua 1,697 pelajar yang tidak dapat dihantar ini akan ditempatkan di dalam universiti-universiti tempatan, dan hingga hari ini lebih daripada 60% telah pun mendapat tempat, dan insya-Allah, bulan November nanti kita akan memenuhi hasrat untuk memasukkan semua ke dalam universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan angka yang terakhir yang berada di luar negara adalah lebih kurang 3,000 orang penuntut yang ditaja oleh JPA.

#### **SYARIKAT MARA HOLDINGS - AHLI LEMBAGA PENGARAH**

2. **Dato' Chet Singh s/o Karam Singh [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bagaimanakah kedudukan syarikat MARA Holdings sekarang, terutama tentang asetnya dan tentang aliran kewangannya. Dan berapakah syarikat-syarikat yang tidak menguntungkan dalam MARA Holdings ditutup selepas MARA Holdings diswastakan. Siapakah ahli-ahli Lembaga Pengarah MARA Holdings. Bagaimanakah jaminan masa depannya, adakah ianya positif atau negatif.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, MARA Holdings Sdn. Bhd. ialah anak syarikat MARA yang mana seratus peratus daripada ekuitinya dipegang oleh MARA. MARA Holdings terlibat dalam aktiviti pengangkutan yang mana 57% daripada aktiviti ini ialah dalam bidang ini dan seterusnya dalam bidang tekstil dan apparel, perladangan dan pelancongan. Oleh kerana prestasi MARA Holdings yang lemah, kerajaan telah membuat keputusan



supaya ianya diswastakan. Hingga masa kini MARA Holdings masih lagi dalam proses penswastakan di peringkat akhirnya.

Kedudukan aset dan kewangan MARA Holdings Sdn. Bhd. berdasarkan akaun yang telah diaudit pada tempoh berakhir 31 Disember 1997 adalah seperti berikut:

- ✎ Aset ketara bersih (net tangible asset) dengan izin, adalah sebanyak RM154.39 juta;
- ✎ Simpanan tetap ialah sebanyak RM24.61 juta dan kedudukan akaun kewangan adalah mantap dan buat masa ini simpanan tetap dan wang tunai dalam bank adalah teguh dan MARA Holdings Sdn. Bhd. tidak memerlukan suntikan tunai dalam akaun kewangannya.

Daripada jumlah 20 anak syarikat MARA Holdings yang beroperasi, lima mengalami kerugian yang mana tiga daripadanya telah ditutup pada tahun 1997. Ini adalah kedudukan semasa Syarikat MARA Holdings Sdn. Bhd. yang sedang dalam proses penswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengarah MARA Holdings terdiri daripada enam orang ahli seperti berikut:

- ✎ Dua orang pegawai pengurusan MARA Holdings Sdn. Bhd., iaitu daripada Dato' Nazmi sendiri dan juga Encik Mohamad Ali Ismail;
- ✎ Dua orang tokoh perniagaan;
- ✎ Seorang wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga seorang wakil daripada MARA.

Masa depan MARA Holdings adalah meyakinkan. Dengan penswastakan MARA Holdings Sdn. Bhd., syarikat ini akan diuruskan dengan lebih profesional sebagai sebuah entiti komersial yang boleh membawa syarikat ini ke mercu kejayaan. Perancangan MARA Holdings untuk mempertingkatkan aktivitiinya sedang giat dilaksanakan khususnya dalam bidang yang menjadi tonggak perniagaan tersebut, iaitu pengangkutan, pembuatan, tekstil dan apparel, perladangan, kejuruteraan automotif, pelancongan dan perkhidmatan sokongan.

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa MARA Holdings ini adalah ditubuhkan semata-mata untuk keuntungan sosial dan komersial dalam kedua-dua maksud. Tadi Dewan yang mulia ini diberitahu bahawa MARA Holdings ini telah diswastakan pada peringkat yang terakhir. Jadi, soalan tambahan saya apa rasional sekiranya MARA Holdings ini diswastakan, bagaimana MARA Holdings masih boleh membantu bumiputera dalam penglibatan urusan perniagaan?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi pada peringkat awalnya pengurusan MARA Holdings begitu lemah sekali. Oleh itu, pihak MARA telah membuat keputusan supaya tanggungjawab, pihak MARA tidak berterusan, sebab itulah kerajaan telah mengambil keputusan supaya ianya dapat diswastakan dan MARA akan mendapat balik pulangan modalnya.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan. Tadi Yang Berhormat ada menyebut anak syarikat MARA

Holdings ini yang rugi ada lima buah - mengalami kerugian besar. Apakah jenis kerugian yang dilakukan, misalnya dari segi transport ataupun pelancongan dan sebagainya daripada lima yang rugi itu?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Daripada lima syarikat yang rugi itu, dua adalah dalam bidang pengangkutan, satu dalam bidang tekstil dan apparel, satu dalam bidang perladangan dan hartanah, dan satu dalam bidang kejuruteraan dan automotif. Cuma tiga yang telah ditutup ini iaitu MARA Holdings Logtek Sdn. Bhd. yang mempunyai aktiviti dalam produk logistik dan perkhidmatan sokongan yang kerugiannya RM256 juta, fabric colour solution dalam perusahaan mencetak kain kerugian RM6,453,000 dan Usmeta Pakistan Private Limited dalam perusahaan membuat tayar celup kerugian RM1,643,000.

Dengan pengurusan yang baru ini kita lihat dengan mengurangkan perbelanjaan dan dengan mengadakan pengurusan yang lebih efisien, keadaan MARA Holdings masa kini sudah bertambah baik.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini sebuah syarikat pengangkutan di negeri Perlis telah mengalami keadaan yang tidak boleh memberi perkhidmatan kepada orang ramai di Perlis khasnya dan perkhidmatan laluan ekspres, iaitu Syarikat Pengangkutan Melayu Perlis. Memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tadi MARA Holdings dalam proses penswastan sama ada kementerian bercadang untuk mengarahkan MARA Holdings mengambil alih syarikat ini bagi menghidupkan semula syarikat bas itu, sebab ini ada kena-mengena dengan syarikat bumiputera.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Oleh kerana sebahagian besar ataupun keseluruhan ekuiti MARA Holdings walaupun diswastakan akan juga jatuh ke tangan bumiputera, kementerian bolehlah berbincang dengan MARA Holdings supaya Syarikat Pengangkutan Melayu Perlis ini akan diberi pertimbangan.

#### **PROGRAM RAKAN MUDA - KEBERKESANAN**

3. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian sedar telah menjadi satu kenyataan bahawa kebanyakan remaja di kawasan penempatan peneroka bandar serta kawasan perumahan kos rendah adalah berkeliaran tanpa menuju ke sebarang arah. Walaupun kerajaan telah melancarkan pelbagai program misalnya Rakan Muda tetapi usaha sebegini masih tidak membawa impak yang berkesan. Salah satu isu utama adalah kekurangan tempat rekreasi seperti padang bola sepak, gelanggang badminton, dewan komuniti/rakyat dan lain-lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang menyusun dan melaksanakan pelbagai program khusus berkaitan dengan pembangunan belia-belia bandar dan sektor industri. Program-program seperti Karnival Sukan Belia-belia Sektor Bandar dan Industri, program Motivasi Diri, program Keluarga dan Masyarakat Penyayang yang dianjurkan secara kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan. Program-program Rakan Muda dan program berkaitan pembangunan belia merupakan program utama ke arah menangani permasalahan belia bandar. Walaupun demikian, kementerian sedar mengenai kekurangan tempat-tempat rekreasi bagi belia-belia di kawasan perumahan kos rendah dan akan berusaha menambahkan kawasan-kawasan rekreasi dan gelanggang permainan apabila keadaan ekonomi bertambah baik kelak.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apakah kayu ukur yang digunakan oleh pihak kementerian untuk menentukan impak dan juga keberkesanan program Rakan

Muda. Daripada pemerhatian saya banyak pertikaian telah ditimbulkan mengenai program ini. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula program-program yang telah dilaksanakan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, memang susah bagi pihak kementerian untuk membuat satu kajian secara objektif tentang keberkesanan program-program seperti program Rakan Muda. Walau bagaimanapun, jika kita perhatikan response daripada belia dan remaja untuk bersama-sama dengan program-program yang dianjurkan oleh kementerian dan Jabatan Belia dan Sukan begitu menggalakkan. Ini adalah di antara kayu ukur yang digunakan oleh kementerian. Malah setakat ini lebih kurang sejuta belia telah pun bersama-sama berserta dengan program kami dan ini melibatkan beberapa persatuan-persatuan belia.

Buat masa ini kementerian tidak ada perancangan untuk mengkaji semula mana-mana program oleh kerana pihak kementerian sentiasa meningkatkan program yang ada, seperti program Rakan Muda misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini kalau dimulakan hanya dengan sembilan gaya hidup, tetapi pada masa kini kita telah pun meningkatkan program untuk mengambil kira peserta-peserta daripada kilang, institut pengajian tinggi dan lain-lain.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil tindakan untuk meningkatkan taraf sukan di ladang-ladang yang berada di kawasan pedalaman. Tetapi bantuan dan tindakan yang diberi tidak sampai kepada mereka. Mereka juga tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang cukup. Sebenarnya apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi taraf sukan yang berkaitan bagi meningkatkan taraf mereka?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembinaan venue sukan ini bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun pihak kementerian mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk membina dan membangunkan venue ini. Tetapi kerajaan-kerajaan tempatan pun mempunyai tanggungjawab bersama untuk menentukan misal kata tiap-tiap kawasan perumahan ada kawasan lapang dan pusat-pusat rekreasi. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa di kawasan perladangan misal kata memang tidak cukup bangunan-bangunan ataupun venue untuk sukan.

Tetapi kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bersukan macam mana pun boleh, kalau berjalan kaki pun boleh, berlari pun boleh, kalau kita panjat pokok pun boleh, [*Ketawa*] asalkan kita keluar peluh. Saya hendak menyarankan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini bahawa janganlah kita hendak tunggu hanya pembangunan kompleks-kompleks sukan. Yang kami kkuatiri di kementerian kita sudah bina kompleks-kompleks yang mengambil peruntukan begitu tinggi tetapi tidak ada siapa yang menunjuk keinginan untuk memenuhkan kompleks-kompleks ini.

Saya ingin menyarankan bahawa biarlah sukan ini menjadi budaya kita. Kalau tidak ada kompleks sukan, terutamanya di ladang, tempat environment begitu baik, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin boleh buat program sebelah pagi berjalan, sebelah petang jogging. Seperti Yang Berhormat Dato' Affifudin kata sungai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjat pokok kelapa sawit. [*Ketawa*]

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya, betul, Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang kita mahu untuk membudayakan sukan sebagai satu amalan harian seperti juga makan dan sembahyang. Terima kasih.

[Ketawa]

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Kita mendengar tadi bahawasanya sejuta lebih para belia telah menjalani program-program. Apakah kementerian mempunyai program-program susulan untuk membuat follow up. Kerana kadang-kadang kita tidak boleh berbangga dengan angka yang begitu besar, akan tetapi remaja dan belia ini didedahkan semula pada keadaan sosial yang akhirnya mereka sendiri terlibat dalam keruntuhan akhlak.

Yang kedua, berhubung dengan kompleks-kompleks sukan yang tidak dipenuhi, mungkinkah kerana sewa yang diberi oleh kementerian itu agak tinggi. Sekarang ini pula makan pun kena ambil daripada kantin itu sendiri, tidak boleh bawa daripada luar? Mungkin ini adalah salah satu daripada sebab orang tidak hendak sewa dan menggunakan kompleks-kompleks sukan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab soalan yang kedua dahulu. Saya rasa sewaan ini bukan masalah yang utama. Saya rasa kita semua malas sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok ada setengah-setengah daerah di kawasan Parlimen Lembah Pantai misal kata, kompleks sukannya mendapat response yang begitu baik sehingga berbaris tunggu kalau hendak main badminton. Itu kerana pihak DBKL menyiapkan tempat kompleks itu dengan begitu ceria, maka rakyat tempatan memang rasa digalakkan untuk pergi bersukan di sana, kalau pun terpaksa membayar sewa secara nominal sahaja, mereka selalu menggunakan kompleks itu.

Mungkin ada di setengah tempat kompleks-kompleks sukan ini, dengan izin, not very attractive untuk mereka pergi, mungkin mereka gunakan alasan membayar sewa ini. Walau bagaimanapun, saya akan membincang perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri, mungkin kita akan melihat kembali kadar sewa yang diminta kepada peserta. Tetapi kebanyakan daripada kompleks-kompleks ini adalah kepunyaan kerajaan tempatan dan bukan hanya Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk soalan pertama, saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa seorang belia dan remaja itu menghadiri hanya satu sahaja daripada program kami, itu tidak bermakna bahawa jikalau belia itu terjebak dengan segala gejala negatif. Itu bermakna bahawa sekali sahaja dia hadiri program kita, maka dia pulih. Pihak kementerian kita menggalakkan bahawa peserta-peserta ini dapat menjalankan program-program ini di peringkat daerah ataupun di peringkat kawasan masing-masing. Oleh kerana itu, Ahli Yang Berhormat semua diminta kalau boleh bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin belia yang ada. Kita buat satu pelan induk, misal kata, selepas itu kita harap bahawa pemimpin-pemimpin belia di daerah-daerah masing-masing akan dapat meningkatkan dan memperlembikan lagi program-program ini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penerangan tadi pihak kementerian ada menyebut taman-taman rekreasi akan diwujudkan, insya-Allah, apabila pemulihan ekonomi kita nanti. Soalan saya, apakah pihak kementerian pernah berfikir untuk merancangkan pembahagian-pembahagian yang berasingan di taman-taman rekreasi seperti pembahagian keluarga, pembahagian belia dan beliawanis, mungkin dengan cara yang begini dapat mengurangkan gejala sosial yang berlaku terhadap belia di tengah bandar sekarang?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan masalah gejala sosial yang negatif berlaku bukan hanya kepada belia dan remaja di bandar. Tetapi didapati bahawa di kampung-kampung pun berlaku sedemikian. Jadi, pihak kementerian memang arif dan begitu prihatin

tentang masalah sosial ini. Setakat mana yang boleh pihak kementerian akan menentukan, kalau tidak semua tempat kemudahan-kemudahan sukan itu dapat dibahagikan di antara belia dan beliawanis setidak-tidaknya untuk sukan renang misal kata kalau boleh biarlah ada masanya untuk beliawanis sahaja yang dapat menggunakannya. Saya sendiri menyokong saranan itu dan masanya sudah tiba untuk semua kelab misal kata dan semua venue sukan mengadakan, mengehendkan atau mengkhaskan, katalah tiga-empat jam satu hari untuk sukan-sukan seperti berenang misal kata di mana mungkin isu pakaian menjadi satu isu yang sensitif bahawa mereka akan mengambil perkara ini dengan secara serius.

Pihak kementerian juga ingin menyarankan bahawa kelab-kelab swasta dan operators gim-gim yang ada pusat riadah sukan supaya mengehendkan dua-tiga jam, misal kata di gim-gim rakyat, kerana ada setengah wanita mahu bersukan tetapi mereka rasa agak segan sedikit hendak bergaul agak bebas di dalam tempat-tempat gim misal kata. Tetapi saya rasa untuk pusat-pusat rekreasi tidaklah ada masalahnya yang hendak membebankan. Apatah lagi kalau tempat ini digalakkan untuk kaum keluarga.

Saya menaruh harapan yang tinggi bahawa bukan semua belia dan remaja kita tidak boleh diharapkan. Saya rasa 99% daripada belia dan remaja yang ada di negara Malaysia ini boleh diharapkan dan mereka mempunyai perlakuan yang begitu baik. Walaupun peratusan yang kecil sahaja yang terjebak dengan gejala sosial yang negatif, kita tidak harus lupa bahawa 99% lagi yang mempunyai perlakuan yang baik.

#### **JALANRAYA PAN-BORNEO - JUMLAH PERBELANJAAN**

4. **Datuk Haji Sairin bin Haji Karno** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kedudukan pelaksanaan (penyiapan) ke atas Jalanraya Pan-Borneo dan berapa jumlah perbelanjaannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalanraya Pan-Borneo yang telah siap dibina terdiri daripada tiga bahagian iaitu:

- (i) Jalan Miri ke Sempadan Negara Brunei  
Bahagian jalan raya ini adalah daripada Bandar Miri hingga ke Sungai Tujuh dekat dengan sempadan Brunei;
- (ii) Jalan Limbang ke Sempadan Brunei  
Bahagian jalan raya ini terdiri daripada dua bahagian lagi. Bahagian pertama ialah daripada Tedungan dekat sempadan Brunei hingga ke Bandar Limbang. Bahagian kedua pula bermula dari persimpangan Tedungan - Limbang dan berakhir di Sungai Pandaruan dekat dengan sempadan daerah Temburong di Brunei. Pada masa ini JKR Sarawak sedang melaksanakan projek menggantikan 6 buah

jambatan yang terdapat di sepanjang jalan raya tersebut. Ianya dijangka siap pada bulan Jun 1998.

(iii) Jalan Lawas - Temburong dari Jalan Lawas - Merapok

Bahagian jalan ini, daripada Lawas hingga ke Sungai Trusan, telah dinaikkan taraf kepada jalan tar kecuali bahagian jalan daripada Sungai Trusan hingga ke Mengkalap dekat dengan sempadan Brunei. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, kos projek pembinaan Jalanraya Pan-Borneo ialah RM170.082 juta. Daripada jumlah tersebut RM157.314 juta telah dibelanjakan Dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam. Manakala peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang diluluskan ialah RM12.5 juta. Perbelanjaan yang telah dibuat sehingga hari ini ialah RM3.605 juta.

**Tuan Jiuin bin Jimin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam beberapa bulan yang lalu ini hampir setiap bulan saya membaca mengenai masalah Jalanraya Sipitang-Beaufort, lebih-lebih lagi dalam masa ini kita akan menghadapi pilihan raya, tidak lama lagi di Sabah. Sebenarnya jalan raya ini memang dimulakan waktu Barisan Nasional mengambil tampuk kerajaan, tetapi masalahnya daripada dimulakan perlaksanaan ini sehingga sekarang belum lagi siap. Jadi, pertanyaan saya di sini ialah, apakah masalahnya perlaksanaan jalan raya di antara Beaufort-Sipitang ini.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Jalan Pan Borneo ini adalah satu jalan trunk road mulai dari Lundu di Bahagian Selatan Sarawak sehingga sampai ke utara di Sabah panjangnya memang lebih daripada 1,500 kilometer. Kita sedar jalan dari Beaufort ke Sipitang memang selalu menghadapi masalah, oleh kerana keadaan permukaan tanah ini membuatkan jalannya sentiasa dalam keadaan untuk dibaiki. Walau bagaimanapun pihak JKR sentiasa menyegerakan jalan ini, saya ingat ini juga seperti mana kita ada di Sarawak, ada satu missing link pun belum dibuat, iaitu Pan-Borneo dan Jambatan Durin, kita ambil masa untuk menyiapkan jalan ini.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di -Pertua.

Soalan tambahan. Berapakah jumlah sebenar, maksud saya berapakah jauh Jalan Pan-Borneo ini dan berapa yang sudah siap dan berapa lagi yang belum, berapa kilometer?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di -Pertua, sebenarnya kalau kita kira, tadi saya ada sebut panjangnya jalan ini memanglah jauh dan kalau kita kata jalan ini telah pun disiap untuk menghubungkan Lundu ke Utara Sabah. Kecuali beberapa tempat di mana ada missing link seperti saya tadi sebut Jambatan Durin dan jalan di Beaufort - Sipitang memang ada masalah tapi keseluruhannya kecuali jambatan-jambatan yang belum disiap, jalannya boleh dihubungkan dengan feri, kalau jalan ini memang telah siap untuk digunakan tetapi belum disempurnakan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di -Pertua, cuma sedikit pembetulan tadi, itu bukan jalan Utara sebab kalau jalan Utara dia menuju ke Kudat. Itu jalan Sipitang barang kali cuma yang saya tanya tadi itu, jumlah kilometer, berapa jumlah kilometer sebenarnya.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di -Pertua, kalau kita kata, Jalan Pan-Borneo telah siaplah. Kalau jalan ini adalah satu jalan tambahan yang bukan asal Pan-Borneo, ini belum siap. Pan-Borneo ertinya dari Lundu ke seluruh Sarawak sampai Miri, Lawas ke Sabah melalui negara jiran, yang itu sudah siap. Kecuali beberapa tempat belum berapa sempurna itu sahaja.

#### **UBAT-UBATAN DIJUAL DI KAKI LIMA - LANGKAH KEMENTERIAN**

5. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah ubat-ubatan yang dijual oleh peniaga-peniaga di kaki lima selamat untuk digunakan. Ini kerana ada sesetengah penjual mendakwa mereka mempunyai sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan yang mengatakan ubatan yang mereka jual selamat digunakan. Jika ia tidak selamat apakah langkah-langkah yang akan dan telah dilakukan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.**

**Mahalingam]:** Tuan Yang di -Pertua, Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan lesen atau sijil kepada peniaga ubat di kaki lima. Untuk memastikan ubat-ubat yang dijual adalah selamat berkesan dan berkualiti

Kementerian Kesihatan telah mula mendaftarkan ubat-ubat ini sejak 1 November 1985. Pengguna-pengguna adalah sentiasa diingatkan supaya memeriksa dahulu ubat yang hendak diguna atau beli sama ada ubat berkenaan telah berdaftar ataupun tidak dan memeriksa nombor pendaftaran yang bermula dengan huruf MAL atau 'mal' dan diikuti dengan lapan digit atau angka, contohnya MAL 19981234.

Kementerian Kesihatan dari masa ke masa sentiasa mengawal selia ubat-ubat yang berada di pasaran dengan mengadakan pemeriksaan dan operasi serbuan. Bagi tahun 1996 sebanyak 424 item telah dirampas dengan nilai RM571,288.00, dari tahun 1997 sejumlah 398 item dirampas bernilai RM792,260.00 dan untuk 1998 sehingga Mac sejumlah 122 item telah di rampas dengan nilai rampasan sebanyak RM211,149.00.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Zainudin bin Maidin.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya ingin mendapat penjelasan adakah pengawalan dan pemerhatian terhadap penjualan ubat yang merbahaya ini hanya ditumpukan kepada kawasan bandar kerana saya dapati banyak penjualan berbagai-bagai macam ubat di kawasan luar bandar terutama Pantai Timur, termasuk majun-majun yang mendakwa mempunyai 1001 macam kekuatan yang dijual dengan bebas. Saya melihat sendiri ubat-ubat yang dijual berharga 10 sen, 20 sen yang diletakkan di kedai-kedai oleh penjual-penjual yang datang dengan van, motokar dan sebagainya. Tapi, nampaknya seperti tidak ada kawalan macam ada suatu kebebasan yang tidak terkawal di luar bandar.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yuang di-Pertua, memang semua ubat masuk di dalam negara hendaklah didaftar dengan Kementerian atau pihak berkuasa. Kalau tidak mendaftar ubat ini tidak boleh market di sini. Sebab itu bila kita hantar ubat dengan daftar memang kajian dijalankan, jadi bolehkah ubat itu digunakan oleh orang di Malaysia kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini bukan ubat daripada luar, ubat tempatan majun.

**Dato. M. Mahalingam:** Buatan tempatan pun kena daftar - semua ubat tradisional perlu didaftarkan. Tuan Yang di-Pertua satu kajian telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai kedudukan ubat tiruan di negara ini.



Di dalam kajian tersebut sebanyak 10 jenis ubat yang difikirkan popular atau dikendali oleh kalangan orang awam telah dikenal pasti. Sejumlah 212 sample ubat telah dikumpulkan dari kedai farmasi, kedai runcit, kedai makan, gerai kaki lima, pasar malam, pasar minggu, pasar pagi dan kedai ubat toko ayuverdik. Daripada jumlah ini sebanyak 64 ataupun 5.28% ubat telah dikenal pasti sebagai ubat tiruan. Kadar peratusan taburan ubat tiruan mengikut alat premis adalah seperti berikut:

Kedai makan	-	18.56 %
Gerai kaki lima	-	10 "
Kedai runcit	-	75.03 "
Kedai ubat toko (ayuverdik) -	3.02 "	
Kedai farmasi	-	0.72 "

Kalau kita tengok ia tidak banyak, kita tengok dengan kajian oleh kementerian saya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini, saya terbaca di dalam surat khabar bahawa pil, yang menjadi keistimewaan kepada kaum lelaki, telah pun menembusi pasaran kita Malaysia, bertapak di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf negeri Tuan Yang di-Pertua sendiri ya, jadi saya hendak tanya kerajaan adakah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak negeri Pahang? [*Ketawa*].

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** .....bukan, belum sampai ke Pahang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya hendak bertanya kepada kerajaan, adakah perkara ini benar, dia sudah sampai ke Kelantan daripada seberang sungai iaitu Golok. Jadi, kalau sampai adakah perkara ini boleh dibenarkan ataupun bolehkah pil-pil ini dijual dan dibeli oleh penduduk-penduduk yang berkehendakannya sebab ini satu perkara yang tidak kita hebohkan lagi maknanya kalau pil sampai ke Kelantan, bolehkah orang Kuala Lumpur pergi ke Kelantan membelinya [*Ketawa*] dan adakah ini sah dan halal untuk dibeli.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, pil itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat ialah pil yang warna blue colour boleh kata dengan 'viagra' tapi sekarang dengan minat yang ditunjukkan oleh lelaki di negara kita dengan Ahli-ahli

Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, tiap-tiap hari dia minta pil ‘viagra’. Kalau mana-mana pil kita tengok dengan warna blue, dengan ‘viagra’ memang orang pergi beli. Tidak tengok dengan ada daftar atau tidak daftar. Seperti diterangkan, dua hari yang lalu di mana pil ‘viagra’ belum didaftarkan di Malaysia dan tidak boleh jual, tidak boleh import oleh itu pil yang ditengok itu ialah pil yang palsu tidak boleh jual. Ada orang berkata, pagi ini pun saya ada baca dalam akhbar seorang di Itali ada yang gunakan nama viagra dengan ice-cream [Ketawa]. Ramai orang yang minat beli ice-cream itu, blue colour. Yang ramai kunjungi ialah wanita.

**KARGO DARI PULAU PINANG DIURUSKAN OLEH  
PELABUHAN KLANG - JUMLAH**

6. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan: -
- (a) berapakah jumlah aliran kargo dari Pulau Pinang yang diuruskan oleh Pelabuhan Klang bagi tempoh 1995, 1996 dan 1997; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan status Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan yang bertaraf dunia.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam]:** TuanYang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat :

- (a) jumlah aliran kargo dari Pulau Pinang yang diuruskan oleh Pelabuhan Klang bagi tempoh 1995, 1996 dan 1997 adalah seperti berikut:

<u><b>Tahun 1995 -</b></u>	<u><b>Jumlah (TEU's)</b></u>
Pulau Pinang-Pelabuhan Klang -	1,643
Pelabuhan Klang-Pulau Pinang -	6,161
	-----
	7,804
	=====
 <u><b>Tahun 1996 -</b></u>	
Pulau Pinang-Pelabuhan Klang	25,458

Pelabuhan Klang-Pulau Pinang	24,327
	-----
	49,785
	=====
<b><u>Tahun 1997 -</u></b>	
Pulau Pinang-Pelabuhan Klang	54,492
Pelabuhan Klang-Pulau Pinang	38,277
	-----
	92,769
	=====

Untuk makluman pada tahun 1994 terdapat hanya 837 TEU's yang telah dikendalikan dari Pelabuhan Klang ke Pulau Pinang, sebaliknya tiada kontena dikendalikan dari Pulau Pinang ke Pelabuhan Klang untuk tempoh itu. Ini bermakna pengendalian kontena bagi kedua-dua pelabuhan meningkat semenjak tahun 1995.

- (b) langkah-langkah yang sedang dan telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan status Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan yang bertaraf dunia ialah seperti berikut:
- (i) memperbaiki accessibility, dengan izin melalui jalan raya dan rel di samping mengadakan sistem EDI;
  - (ii) menggalakkan lebih banyak persinggahan terus oleh kapal-kapal induk dan menggalakkan perkhidmatan feedering dari rantau ini supaya diadakan pelayaran yang lebih kerap dan perkhidmatan baru;
  - (iii) menambahkan kapasiti dan kecekapan di pelabuhan dengan mengadakan kemudahan dermaga dan peralatan berdasarkan 'supply driven';

- (iv) mewujudkan persekitaran komersial yang sesuai iaitu melalui kaedah operasi baru dan prosedur yang telah dipermudahkan oleh agensi-agensi kerajaan untuk memudahkan penggunaan pelabuhan di samping diadakan zon bebas di Pelabuhan Klang dan pelonggaran prosedur oleh pihak pelabuhan dengan tujuan memaparkan imej sesuatu pelabuhan yang user friendly, dengan izin.
- (v) pembangunan infrastruktur dermaga yang mencukupi di pelabuhan;
- (vi) mengadakan dialog dengan operator-operator pelabuhan, syarikat-syarikat perkapalan, penghantar-penghantar freight agensi-agensi perkapalan, agen-agen penghantaran, pengangkut-pengangkut kontena dan consolidators; dan
- (vii) mengadakan kempen pemasaran secara bersama di dalam dan juga di luar Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak kementerian pernah membuat kajian kenapakah pengimport-pengimport lebih suka menggunakan Pelabuhan Singapura dari Pelabuhan di negara kita sendiri. Adakah benar ini adalah satu cara untuk to evade tax (lari daripada cukai), iaitu dengan mengimport dahulu ke Singapura kemudian dari Singapura eksport semula ke Malaysia dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang diimport di Singapura - ertinya iaitu barang-barang untuk industri. Syarikat yang mengeluarkan barang di Malaysia mengimport barang itu dahulu ke Singapura dengan harga asal kemudian baru diimport ke Malaysia dengan harga yang lebih rendah supaya kosnya juga rendah, satu cara lari daripada cukai.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, sebab sebenar mengapa terdapat sebilangan pengeksport-pengeksport menggunakan Pelabuhan Singapura ataupun mengimport dari Pelabuhan Singapura tidak secara terus adalah kerana mereka ada hubungan lama rakan niaga dan itulah sebabnya sebahagian daripadanya masih menggunakan Pelabuhan Singapura. Walau bagaimanapun semenjak usaha-usaha perbincangan dengan pengimport-pengimport dan pengeksport-pengeksport diadakan jumlah pengeksport dan pengimport dari Malaysia yang menggunakan pelabuhan kita semakin bertambah.

Kedua, ialah kerana dahulu tidak ada 'main liner' yang terus datang ke pelabuhan kita tetapi sekarang dengan datangnya 'main liner' dengan kempen-kempen yang diadakan maka penggunaan pelabuhan kita semakin meningkat. Sama ada mereka boleh lari cukai itu bukan merupakan sebab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini juga ada kaitannya dengan soalan tambahan yang dibawa oleh Senator Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, berapa banyak, berapa tan, berapa TEU barang-barang kita terutama sekali dari segi papan lapis dan sebagainya yang dieksport menerusi Pelabuhan Singapura? Tadi mengimport, sekarang mengeksport. Sungguhpun banyak kemudahan yang ada sekarang ini seperti di Port Klang, Johor, Kuantan dan sebagainya tetapi berapa tan, berapa TEU dan apa jenisnya yang dieksport menerusi Pelabuhan Singapura di mana barang-barang kita di 'reexport' pula, dengan izin, di eksport ke Singapura dan Singapura pula mengeksport ke tempat-tempat lain. Kadangkala jenama pun ditukar-tukarkannya. Saya hendak tahu mungkin ada satu jejaring atau 'network' pasaran saya tidak tahulah. Tetapi berapa banyak dan adakah ini berkurangan sekarang ataupun masih bertambah?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang detail setiap barang yang dieksport melalui Pelabuhan Singapura tetapi saya suka memaklumkan bahawa jumlah eksport kita ke luar negeri melalui Singapura memang telah berkurangan. Ini dapat dilihat daripada

jumlah TEU's yang dikendalikan oleh Pelabuhan Klang. Misalnya pada tahun 1996, TEU's yang kita uruskan di Pelabuhan Klang adalah 1,410,000 kontena TEU's tetapi telah pun meningkat pada tahun 1997 iaitu sebanyak 1,685,000 kontena. Ini di Pelabuhan Klang sahaja jika dicampur dengan Pelabuhan Johor ianya telah pun meningkat kepada angka 2,000,000 lebih TEU's di seluruh negara. Jumlah peningkatan ini telah pun bermula semenjak awal tahun 90-an dan ini telah menunjukkan bahawa penggunaan pelabuhan kita memang sentiasa meningkat. Apatah lagi jika dahulu kita tidak menggunakan EDI tetapi dengan penggunaan EDI pada masa sekarang kapal-kapal yang berlabuh di pelabuhan kita telah dapat menyelesaikan pemunggahan mereka dengan lebih pendek berbanding dengan dahulu dan ini juga telah membantu penggunaan pelabuhan kita.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa kita boleh membuat pre-clearance iaitu 'clearing' barang-barang boleh dibuat lebih awal sebelum kapal tiba dari pelabuhan dan apabila tiba sahaja barang ini terus boleh diangkat untuk dihantar ke tempat simpanan atau terus dibawa keluar daripada pelabuhan. Ketika ini kita telah pun siap 95% sistem EDI kita dan dijangka pada penghujung tahun lagi 9% akan siap sempurna dan ketika itu tidak perlu lagi kita menggunakan paper. 100% kita akan menggunakan elektronik dan dengan ini kita percaya jumlah penggunaan pelabuhan kita akan terus bertambah. Kita juga telah mengadakan banyak perbincangan dengan pengimport dan pengeksport kita supaya "Cintailah Pelabuhan Negara Kita" kerana itulah kita sedang berusaha untuk menambah lagi kemudahan seperti penambahan dermaga bagi membolehkan kapal-kapal berlabuh dengan cepat dengan terdapatnya dermaga yang cukup. Misalnya menjelang tahun 2005 Lembaga Pelabuhan Klang akan mempunyai kesemuanya 53 dermaga untuk kapal-kapal sehingga 100,000 tan displacement. Ini bermakna apabila kapal tiba mereka tidak ada permasalahan untuk terus berlabuh dan juga menguruskan barang-barang yang telah mereka bawa ke negara kita dan juga yang akan dibawa keluar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop.

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Pelabuhan Melaka masih lagi di bawah pengurusan Pelabuhan Klang?

Adakah Pelabuhan Klang turut mengendalikan kargo-kargo daripada Pelabuhan Melaka? Apakah keupayaan Pelabuhan Melaka dan apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan lagi keupayaan pelabuhan berkenaan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Melaka telah pun diswastakan. Bagaimanapun ia masih di bawah penyeliaan Pelabuhan Klang tetapi telah diswastakan kepada sebuah syarikat swasta. Pada ketika ini Pelabuhan Melaka hanya boleh menguruskan barang-barang kontena kecil yang ketika ini kita hanya ada satu dermaga sahaja. Sebab itu negeri Melaka belum dapat lagi mengambil banyak kapal pada satu-satu ketika dan dalam syarat penswastakan kita telah meminta supaya syarikat swasta yang telah diberi hak ini menambah satu dermaga dan mereka masih lagi dalam usaha untuk menambah dermaga di Pelabuhan Melaka. Kita berharap dalam tempoh yang terdekat dermaga ini akan dibina tetapi oleh kerana sekarang ini juga musim kegawatan, jadi syarikat ini sedang memikirkan bila hendak dibina dermaga yang telah pun merupakan satu syarat kepada mereka. Saya sebagai orang Melaka memang berharap sangatlah supaya syarikat berkenaan membina dermaga ini dengan cepat bahkan perjumpaan memang selalu diadakan.

#### **PEMBINAAN KAWASAN LITAR PERLUMBAAN MOTOSIKAL - CADANGAN PEMBINAAN**

7. **Tuan Abdillah Haji Abdul Rahim** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kerajaan bercadang membina kawasan ataupun litar perlumbaan motosikal di beberapa bandar yang tertentu untuk anak-anak muda kita supaya mereka tidak akan berlumba di jalan raya yang mana boleh membahayakan orang-orang lain.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini kementerian tidak bercadang untuk membina kemudahan-kemudahan tersebut. Adalah didapati sudah banyak syarikat persatuan permotoran menganjurkan perlumbaan motosikal di hampir setiap bandar-bandar besar di Malaysia ini dengan mendapat kerjasama dari majlis-majlis daerah, perbandaran dan kementerian sendiri. Namun demikian kita masih dapati perlumbaan haram berlaku juga. Mengikut tinjauan kementerian pelumba-pelumba ini lebih berminat

mengadakan perlumbaan sesama mereka oleh kerana ada unsur-unsur perjudian dan lain-lain peraturan. Masalah ini perlu ditangani oleh semua pihak terutamanya oleh ibu bapa remaja sendiri dan lain-lain pihak yang berkuasa.

Walau bagaimanapun jika keadaan ekonomi negara mengizinkan kementerian akan mempertimbangkan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi anak-anak muda yang berlumba haram dan ditangkap oleh polis. Adakah usaha pihak kementerian memberi mereka nasihat dan kaunseling?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini memang kita tidak mengambil tindakan untuk kaunseling tetapi saya rasa di atas saranan Ahli Yang Berhormat itu mungkin ini adalah salah satu tindakan yang baik dan insya-Allah akan kita bincang dan mungkin mulakan.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan pelumba-pelumba haram ini ada sindiket yang menganjurkan dan kadangkala diperjudikan kalau yang menang dan ada kadangkala diumpun dengan wanita pula. Adakah benar berita itu?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, wallahualam dengar berita ada macam itu tetapi saya tidak tahulah tentang umpannya wanita, Ahli Yang Berhormat. Saya harap itu hanyalah berita yang tidak tepat cuma daripada maklumat polis yang diterima bahawa memang ada unsur-unsur perjudian oleh kerana itulah maka perlumbaan haram ini dapat menambat hati remaja dan belia yang agak liar oleh kerana ada dengan izin, sence of excitement.

## **KAJIAN PENURUNAN HARGA MINYAK PETROL**

8. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Ghany** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan terdapatnya penurunan harga minyak di pasaran dunia, adakah pihak kerajaan akan mengkaji semula harga petrol yang dijual kepada pengguna-pengguna di negara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa



mengkaji harga runcit petrol pada tiap-tiap bulan melalui mekanisme kajian harga barangan petroleum yang diamalkan sejak tahun 1983. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan harga runcit petrol dari paras harga sekarang, walaupun harga minyak di pasaran dunia telah turun. Kerajaan telah mengambil tindakan yang sama iaitu mengekalkan harga runcit petrol di paras harga sekarang semasa harga minyak di pasaran dunia naik. Harga RM1.10 bagi petrol tanpa plumbum telah dikekalkan sejak tahun 1994.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak berapa faham kajian yang dibuat oleh kerajaan ini kerana kalau sekiranya kerajaan mengkaji struktur kos per litre, dengan izin, tentulah apa yang berlaku sekarang ini di pasaran terutama di Kuala Lumpur di mana wujudnya perang harga.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Esso telah menurunkan harganya 3 sen dan juga pada masa yang sama Petronas juga memberitahu - saya tengok dalam surat khabar dalam berita semalam mengatakan kalau ini betul-betul berlaku mereka pun boleh kurangkan harga. Jadi bagaimana kajian yang dibuat oleh kerajaan hingga setakat ini tidak dapat menentukan harga kos sebenar dan membuatkan premium untuk dia mendapat keuntungan dan selepas itu, inilah harga yang sepatutnya dibayar. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita di Kuala Lumpur terutamanya di Lembah Klang terpaksa menuang minyak sendiri dan pada waktu itu sekiranya ia dituang oleh peniaga-peniaga sendiri atau attendance petrol-pump ini, harganya serupa sahaja tidak turun daripada dulu sampai sekarang. Jadi kos daripada stesen pun sepatutnya telah dikurangkan kerana kita menggunakan tenaga sendiri dan kos peringkat pemasaran antarabangsa dan peringkat negeri terbukti patut dikurangkan kerana Esso telah mengurangkan 3 sen dan kerajaan masih lagi ragu-ragu untuk mengkaji dan mengurangkannya.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa harga yang ditetapkan setiap bulan oleh kerajaan adalah harga selepas kajian mengenai kos operasi komisen pengedar, kadar keuntungan syarikat, harga posting, pengecualian cukai dan sebagainya. Ini adalah unsur-unsur yang diambil kira sebelum harga diputuskan setiap bulan dan selepas itu harga yang diputuskan

adalah seperti yang saya katakan RM1.10 bagi petrol tanpa plumbum dan petrol berplumbum adalah RM1.06 dan sebagainya. Kalau ada syarikat-syarikat minyak yang bercadang menurunkan harga kurang daripada apa yang diputuskan oleh kerajaan ini adalah satu perkara yang baik. Satu perkara yang baik bagi pengguna-pengguna kerana mendapat faedah apabila harga itu diturunkan oleh syarikat-syarikat baik Esso, Petronas atau mana-mana pihak. Kalau ada syarikat yang mampu kurangkan harga itu adalah baik dan mengenai 'layan diri' di mana pelanggan mengisi minyak sendiri tujuannya ialah untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing yang bekerja di stesen-stesen minyak di seluruh negara. Apabila sistem 'layan diri' dilaksanakan ini bukan tiada kos, kosnya hampir RM300,000 dikeluarkan oleh syarikat minyak untuk menukar sistem, menukar pam dan sebagainya daripada sistem menggunakan attendance kepada sistem 'layan diri'. Jadi bukan bererti mengurangkan kos tetapi sebaliknya kos telah naik bagi syarikat petrol.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan iaitu adakah tindakan Esso sudah mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan kerana saya takut pihak Esso akan cuba manipulate supaya masyarakat Malaysia akan berada dalam keadaan suasana yang tidak menyenangkan dan ini pada pandangan saya adalah satu penjajahan baru yang cuba dibawa masuk oleh pihak-pihak luar kepada negara Malaysia.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memahami apakah masalahnya. Kalau barang-barang yang perlu pun harga yang ditetapkan oleh pihak kerajaan adalah harga yang paling tinggi. Kalau pihak pengeluar mahu menjual barang itu kurang daripada harga yang diputuskan atau ditetapkan oleh kerajaan. Ini kita terima dan adalah satu tanda yang baik. Jadi tidak ada masalah, buat masa sekarang Esso menjalankan satu promosi dan mengurangkan 3 sen. Itu tidak akan berterusan tetapi bagi satu tempoh yang tertentu sebagai promosi. Begitu juga bagi barang-barang lain yang ada dalam pasaran. Semasa promosi mereka menurunkan harga dan kalau barang-barang perlu harga adalah ditetapkan oleh kerajaan. Kalau barang-barang yang tidak dikawal harganya oleh kerajaan, ini

terpulang kepada pengeluar-pengeluar untuk menjual barang-barang itu lebih rendah daripada apa yang ditentukan oleh pihak mereka sendiri.

### **ANGGOTA PASUKAN POLIS HUTAN - PENYERAPAN KE DALAM PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**9. Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan anggota Pasukan Polis Hutan, adakah cadangan untuk menyerapkan keseluruhan anggota dan pegawai ke dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia dan kalau tidak kenapa?

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali]**

: Tuan Yang di-Pertua, berkuat kuasa pada 20 Oktober 1967 nama Pasukan Polis Hutan telah ditukarkan kepada Pasukan Gerakan Am. Perubahan dan pertukaran nama ini adalah berdasarkan kepada corak penugasan yang dijalankan oleh pasukan ini sekarang telah berubah bersesuaian dengan keadaan semasa.

Persoalan untuk menyerapkan pegawai dan anggota pasukan ini ke dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah tidak timbul. Ini adalah kerana keseluruhan pegawai dan anggota pasukan ini sememangnya adalah sebahagian dari Pasukan Polis Diraja Malaysia yang telah dilantik di bawah Akta Polis 1967.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Tadi pertukaran itu dinamakan Gerakan Am. Apakah tugas-tugas polis yang ditukarkan Gerakan Am? Adakah Gerakan Am ini termasuk trafik untuk penambahan bilangan trafik yang ada sekarang ini, kerana kita nampak begitu gawat sekali, pelanggaran banyak, kereta banyak, jalan pun bertambah. Jadi, kalau Gerakan Am ini diserapkan kepada trafik saya kira itu lebih baik. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, dahulunya pasukan ini dikenali dengan nama Pasukan Polis Hutan dan tugasnya lebih kurang sama dengan tugas pasukan tentera iaitu untuk menghapuskan anasir-anasir komunis di dalam hutan tetapi apabila kita telah dapat menyelesaikan masalah anasir subversif komunis, maka pasukan ini dinamakan Pasukan Gerakan Am dan seandainya kita tidak cukup anggota-anggota trafik maka pasukan ini boleh diberi latihan dan ditukarkan kepada Pasukan Trafik. Bagaimanapun Pasukan

Gerakan Am ini lebih tertumpu kepada menjalankan tugas-tugas selain daripada tugas Pasukan Trafik, tugas yang dilakukan oleh FRU dan ianya lebih tertumpu kepada tugas-tugas lain selain daripada tugas yang khusus misalnya Polis Merin dan sebagainya. Jadi dinamakan Pasukan Gerakan Am dan mereka kebanyakannya digunakan untuk membanteras kemasukan pendatang-pendatang asing tanpa izin ke negara kita.

### **WANG KIRIMAN KE LUAR NEGERI OLEH PEKERJA ASING - JUMLAH**

**10. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang kiriman yang dihantar oleh pekerja asing ke luar negeri dalam tahun yang lepas. Berapa jumlah wang kiriman yang dibawa masuk oleh rakyat Malaysia dari luar negeri dalam enam bulan yang lepas.

#### **Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan maklumat berkenaan bilangan pekerja asing di Malaysia daripada Jabatan Imigresen dan kiriman wang pekerja asing itu melalui sistem perbankan.

Jumlah kiriman wang keluar negeri oleh pekerja asing di Malaysia adalah kira-kira RM4.9 bilion dalam tahun 1997. Negara-negara penerima yang utama bagi kiriman wang pekerja yang asing adalah Indonesia sebanyak 65%, Bangladesh 22% dan Philipines 6%. Berasaskan maklumat berkaitan dengan kiriman wang oleh pekerja-pekerja Malaysia di sebarang laut melalui sistem perbankan, aliran masuk wang oleh rakyat Malaysia adalah sebanyak RM0.5 bilion ataupun RM500 juta dalam tahun 1997.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan]*

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh] :** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud] :** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, isu dan masalah alam sekitar sering menjadi topik perbincangan hangat sama ada di dalam Dewan yang mulia ini mahupun masyarakat umum. Sejak akhir-akhir ini pula isu pencemaran udara khususnya jerebu telah menimbulkan kebimbangan semua pihak kerana ianya boleh memberi kesan serius ke atas kualiti udara dan kesihatan orang ramai.

Di dalam tahun 1997, kebakaran hutan dan tanah gambut di Indonesia telah menyebabkan negara diselubungi jerebu sehinggakan pada satu ketika negeri Sarawak telah diisytiharkan darurat alam sekitar. Di samping itu jerebu bukan sahaja menimbulkan masalah kesihatan ia juga telah menjejaskan sosio-ekonomi negara.

Pada tahun ini jerebu berlaku berpunca daripada pembakaran terbuka di tapak-tapak pelupusan sampah, tapak pembinaan kawasan industri, kawasan kediaman dan kebakaran yang melibatkan kawasan-kawasan hutan tanah gambut dan ladang-ladang seperti yang berlaku di Miri, Sarawak, Sipitang, Sabah dan di beberapa tempat di Semenanjung iaitu di negeri-negeri Selangor dan Pahang. Kebakaran hutan dan tanah gambut ini juga melibatkan kawasan yang luas dan amat sukar dipadam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah jerebu akibat dari punca-punca dalaman ini kerajaan telah meningkat tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensinya yang terlibat. Jabatan Alam Sekitar misalnya telah memulakan operasi mencegah kebakaran semenjak 8 April 1998 di sekitar Lembah Kelang dan diperluaskan ke seluruh negara mulai 14 April 1998. Operasi mencegah kebakaran ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Unit Udara Polis (UUP). Pihak UUP telah membuat tinjauan harian melalui udara bagi mengesan pembakaran terbuka dan menyalurkan maklumat mengenainya terus kepada Pasukan Peronda Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk tujuan penguatkuasaan dan pemadam kebakaran.

Sehingga 31 Mei 1998 sebanyak 336 kes kebakaran ataupun pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara. Kebanyakan kes-kes ini berlaku di kawasan-kawasan hutan, ladang dan kawasan industri. Semua kes kebakaran ini menyumbang kepada keadaan berjerebu yang dialami oleh negara sejak beberapa bulanan kebelakangan ini.

Dalam menghadapi kes-kes kebakaran ini penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar adalah dengan melaksanakan undang-undang sedia ada iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS). Bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar menghadapi masalah untuk mengambil tindakan undang-undang kerana penguatkuasaan ke atas peruntukan undang-undang sedia ada memerlukan bukti yang cukup untuk menunjukkan pembakaran terbuka tersebut dilakukan dengan sengaja.

Ini bermakna pegawai penguatkuasa hendaklah menangkap orang yang memulakan atau melakukan pembakaran tersebut di tempat kejadian itu. Bagaimanapun pada lazimnya apabila pegawai penguatkuasa tiba di tempat kejadian orang yang memulakan atau menyebabkan pembakaran terbuka itu sudah menghilangkan diri ataupun pegawai penguatkuasa tidak dapat membuktikan orang yang berada di tempat kejadian itu telah melakukan pembakaran tersebut.

Keadaan sedemikian menyebabkan penguatkuasaan ke atas peruntukan undang-undang ini kurang berkesan, cara yang lebih berkesan ialah dengan mempertanggungjawabkan pemunya tanah atau penduduk tanah ke atas kebakaran atau pembakaran tersebut yang berlaku di atas tanah kepunyaan mereka atau tanah yang mereka duduki. Memandangkan jerebu yang semakin serius di negara ini yang diakibatkan oleh pembakaran terbuka secara meluas maka hukuman yang lebih berat juga wajar dikenakan.

Penalti yang berat yang dicadangkan dikenakan bagi kesalahan pembakaran terbuka adalah demi kepentingan awam yang dimaksudkan untuk mencegah dan menghukum secukupnya kerana pembakaran terbuka menjejaskan kualiti udara dan boleh membahayakan kesihatan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mencadangkan suatu undang-undang yang ketat dalam mengawal pembakaran terbuka, kerajaan juga prihatin terhadap kepentingan

pemunya tanah atau penduduk tanah oleh itu kerajaan juga mencadangkan supaya kepentingan mereka dipelihara bagi mengelakkan pemunya tanah dan penduduk tanah dianiaya ataupun kebakaran itu berlaku di luar kawalannya.

Kerajaan telah mencadangkan pindaan ini turut memperuntukkan suatu pembelaan jika pemunya tanah dan penduduk tanah membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah berlakunya kebakaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan mengenai peruntukan kebakaran terbuka ini, kerajaan juga mencadangkan pindaan seksyen 44 Akta yang sama untuk menyelaraskan peruntukan ini dengan Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan, pindaan ini akan menjelaskan bahawa kuasa pendakwaan adalah kuasa Pendakwa Raya. Pindaan ini akan mengelakkan persoalan yang dibangkitkan tentang kuasa pendakwaan dan ini seterusnya melicinkan proses perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dengan tujuan untuk memperkemas undang-undang sedia ada supaya penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

[Timbalan yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kesimpulannya, pindaan-pindaan yang dicadang dibuat terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah seperti dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 untuk mengadakan peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) Peruntukan baru bagi melarang pembakaran terbuka dan mengenakan kadar denda yang lebih tinggi bagi kesalahan pembakaran terbuka dengan mengenakan denda tidak lebih daripada RM500,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya sekali serta memperkemas takrifan pembakaran terbuka - seksyen 29(A).
- (ii) Peruntukan baru bagi mempertanggungjawabkan pemunya tanah, penduduk tanah ke atas pembakaran terbuka yang berlaku ke atas tanah yang didudukinya - seksyen 29(B).



- (iii) Peruntukan baru bagi memperuntukkan pembelaan untuk orang pemunya atau penduduk premis jika pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalannya - seksyen 29(C).
- (iv) Pindaan kepada seksyen 44 AKAS mengenai siapa yang boleh mendakwa diselaraskan dengan peruntukan Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah AKAS pada pendakwaraya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 1998 bertujuan untuk menangani isu dan masalah pencemaran udara terutamanya masalah jerebu yang telah mula melanda negara. Dengan adanya peruntukan undang-undang yang dicadangkan, keberkesanan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan demi kepentingan awam dan negara.

Adalah menjadi harapan kita supaya bencana jerebu yang berlaku pada tahun lalu tidak berulang kembali, insya-Allah dan dengan pindaan akta ini punca jerebu dan pembakaran terbuka dapat dikawal dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rosli.

**3.50 ptg.**

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bangun untuk menyokong akta untuk meminda suatu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Pertamanya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana telah berusaha selepas kita telah terhimpit dan dihipit oleh suasana jerebu yang telah memberi satu kesan yang amat buruk kepada masyarakat dan negara kita dan kesan daripada jerebu itu telah memberi

sedikit sebanyak pengalaman baru kepada kementerian dan juga kita semua supaya masalah dan keadaan alam sekitar adalah merupakan sebahagian basic needs, dengan izin, yang amat penting kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, undang-undang yang kita pinda ini ataupun undang-undang yang kita cadangkan ini ialah untuk dikuatkuasakan untuk rakyat dan negara kita. Tetapi sebagaimana yang kita tahu masalah alam sekeliling ini adalah masalah yang global.

Masalah yang mempunyai pendekatan persekitaran yang perlu ditangani oleh khususnya kalau di Malaysia sebagaimana kita tahu, ianya berlaku adalah akibat pembakaran terbuka yang berlaku di negara jiran kita dan juga di beberapa tempat pembangunan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mencadangkan satu undang-undang yang sekali gus memberi satu pendekatan supaya ianya diberi hukuman yang boleh memberi peluang kepada kementerian dan kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya tetapi dalam masa yang sama kita tahu bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semata-mata adalah tidak mencukupi. Walaupun saya faham ini adalah peraturan dan undang-undang yang akan dilaksanakan oleh satu kementerian tetapi beberapa kelemahan harus kita highlight, dengan izin, pada hari ini bahawa masalah alam sekeliling ataupun persekitaran kita tidak hanya semata-mata bergantung kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Kita dapat tahu bahawa pembesaran pertanian ataupun estet-estet kita pembakaran yang berlaku dalam estet adalah merupakan punca utama. Masalah pembangunan, pembukaan hutan secara besar-besaran adalah merupakan faktor utama dan kita mahu satu bentuk penyelesaian harus ada khususnya oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Dalam kita menyuarkan peraturan baru dan undang-undang baru untuk di kuatkuasakan, kementerian harus menyediakan resolusi dan juga jalan penyelesaian bagaimanakah harus masyarakat di negara kita menangani masalah pembakaran terbuka. Setakat yang saya faham definisi dan maksud subseksyen

(1) yang didedahkan kepada kita pada hari ini, pengertian pembakaran terbuka sesungguhnya boleh dianggap sebagai dengan izin, zero burning, maknanya tidak ada pembakaran langsung di negara kita.

Sekiranya ada pembakaran maka adalah menjadi dalam bidang kuasa kerajaan untuk mengambil tindakan melalui peraturan dan undang-undang serta akta yang akan kita luluskan nanti.

Maka saya menyarankan kepada kementerian dan kementerian-kementerian lain yang berkaitan supaya usaha-usaha ataupun peraturan daripada akta ini harus dihalusi kerana kesan yang paling besar yang akan dihadapi oleh masyarakat kita ialah masalah petani-petani kecil di pedalaman, khususnya kepada negeri-negeri yang masih menjalankan usaha-usaha pertanian secara kecil-kecilan. Kita tidak kesah kepada usaha-usaha pembangunan estet secara besar-besaran dan kita boleh menyelesaikan dengan cara meminta syarikat-syarikat yang melaksanakan pembangunan pertanian ini supaya menyediakan satu teknologi yang boleh menyediakan pembangunan tanah dan pertanian tanpa membuat pembakaran secara terbuka. Tetapi kepada petani-petani kecil, petani-petani yang miskin di pedalaman yang menyahut seruan kerajaan untuk berusaha sebagaimana yang kita tahu bahawa kita telah import makanan pada tahun lepas sahaja RM10 bilion dan usaha Kementerian Pertanian untuk mengurangkan kos import sebanyak RM6 bilion lagi supaya dapat RM4 bilion sahaja tahun ini atau tahun depan kita import.

Dan yang kedua kita mahu mendidik masyarakat kita supaya membuat pertanian kecil-kecilan 1, 2 ekar di kawasan pedalaman kita dan sesuai juga dengan semangat 'Buku Hijau' yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini yang telah mati beberapa tahun lalu, dan kita ingin bangkitkan semula semangat 'Buku Hijau' ini dengan masyarakat kita. Saya berharap kementerian dapat menyediakan satu peraturan dan cara penyelesaian yang lebih adil dan saksama supaya masyarakat di pedalaman dan masyarakat yang ingin menyahut seruan kerajaan untuk menyediakan diri, untuk menyediakan pertanian secara kecil-kecilan ini dapat dilaksanakan.

Adalah tidak logik pengusaha petani yang ada 1, 2 ekar yang tidak membakar tanah mereka. Ini satu pendekatan ataupun satu pandangan yang harus dikaji semula oleh kementerian dengan menyediakan resolusi ataupun pendekatan apakah cadangan-cadangan penyediaan selain pembakaran terbuka, kaedah-kaedah lain yang boleh dilaksanakan oleh petani.

Rakyat kita didedahkan dengan pelbagai undang-undang tetapi kita tidak menyediakan cara dan jalan bagaimana harus kita selesaikan dan kita asak rakyat kita dengan pelbagai perkara sehingga kita sebenarnya menjadi mangsa kepada undang-undang dan peraturan yang kita ingin laksanakan demi kebaikan keseluruhan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menginsafi kepada masalah jerebu itu saya mencadangkan juga usaha-usaha yang lebih sistematik dan tersusun serta kemas harus diadakan dengan lebih berkesan kerana masalah pembangunan yang melibatkan pembakaran terbuka di negara-negara di persekitaran kita khususnya di Indonesia tidak dapat dielakkan. Jadi kita berharap satu kerjasama dalam bentuk Asian harus diperkukuhkan dan kementerian ini sepatutnya mempunyai koordinasi yang amat rapat dengan kementerian-kementerian yang mempunyai perhubungan dengan pembakaran terbuka.

Pembakaran terbuka yang berlaku selain dari pembakaran di pemilik tanah ialah mungkin kita mempunyai estet ataupun perusahaan pertanian. Tetapi apabila kita bercakap masalah pembakaran hutan yang berlaku sama ada di bakar ataupun terbakar maka pemilik hutan sepertimana yang kita tahu mengikut enakmen perhutanan ianya adalah milik kerajaan negeri. Jadi kita pohon kerjasama sebenarnya dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya masalah pembalakan yang sistematik harus dilaksanakan dengan mengikut dasar perhutanan negara. Kita tahu pada hari ini bahawa berlakunya kedudukan pembalakan dan juga kedudukan pencemaran sungai-sungai kita dan pencemaran udara kita selain daripada pembakaran terbuka adalah kerana pembangunan industri.

Jadi mengikut Deklarasi Seoul 1997 iaitu pada hari alam sekitar sedunia, telah membuat satu resolusi yang sepintas lalunya memberi pengertian dalam Bahasa Malaysianya lebih kurang 'pendekatan baru diperlukan, krisis alam sekitar secara global ialah kesan dari ketamakan manusia dan sifat kebendaan yang berlebihan (the accessive materialism) dan suatu keyakinan yang silap sebenarnya dengan menyatakan sains teknologi sahaja semata-mata yang mempunyai kunci penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, menyelesaikan masalah alam sekitar kita tidak boleh lari daripada satu perkataan yang dinamakan dalam bahasa Inggerisnya 'nature' atau alam semula jadi. Kita dapat lihat bahawa ketamakan kita, kelemahan kita menguruskan pemimpin-pemimpin politik kita dan perat uran-peraturan yang tidak mempunyai koordinasi yang baik. Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, di antara Kementerian Perusahaan Utama umpamanya dengan Kementerian Sains,

Teknologi dan Alam Sekitar dengan juga kementerian-kementerian lain yang berkaitan tidak mempunyai koordinasi yang mempunyai keutamaan (priority). Apakah keutamaan hari ini, pembangunan industri ataupun apakah pembangunan hari ini adalah kita hendak mengadakan satu keadaan alam sekeliling dan persekitaran yang baik. Semua ini merupakan priority yang harus kita lihat sebagai satu usaha kerajaan dan kita semua untuk melihat generasi kita yang akan datang selain daripada kita membangun sebagai sebuah negara industri tetapi kita mempunyai iklim, suasana, persekitaran dan keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kementerian kalau boleh, definisi pembakaran terbuka yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini dapat diterjemahkan dalam bentuk peraturan selepas ini, supaya perkara-perkara yang - kerana pembakaran terbuka ertinya apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan ke udara bebas melalui serombong atau cerombong tetapi tidak termasuk apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta nanti.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini adalah persoalan yang global tetapi kita mesti mengambil tindakan secara tempatan. Jadi saya berharap Jabatan Alam Sekitar di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang ini apakah mampu sebenarnya menjalankan usaha-usaha untuk contohnya memadam api sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Forest fire, dengan izin ataupun kebakaran hutan adalah merupakan satu aspek penting dalam pengurusan perhutanan negara kita. Sepatutnya Kementerian Perusahaan Utama menyediakan fire fighting squad, dengan izin, ataupun apakah bentuk tanggungjawab pembalakan, tanggungjawab pembangunan industri per kayu diletakkan di bawah Kementerian Perusahawan Utama. Tetapi menyediakan ataupun menyelamatkan hutan daripada kebakaran ianya menjadi tanggungjawab mutlak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Dalam masa yang sama apabila kita bercakap masalah hidupan liar yang kita sayangi untuk menjadi khazanah untuk generasi kita yang akan datang, ianya di bawah kehidupan liar iaitu di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedangkan kita di satu aspek yang lain. Kerajaan negeri membuka seluas-luasnya tanah perhutanan untuk dibalok.

Jadi semua ini adalah merupakan percanggahan pendekatan kita yang harus kita lihat secara lebih tinggi. Saya meminta kepada kerajaan supaya satu koordinasi yang lebih mantap, kemas dan teratur supaya suasana ini tidak kita

membuat peraturan-peraturan sebagai 'lepas batuk di tangga' ataupun kita sentiasa sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab harus melihat bagaimanakah bentuk reformasi kita untuk membangunkan ataupun mengawal alam sekitar tetapi tanpa menjejaskan perkara-perkara pembangunan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar saya dapati ramai di antara pegawai-pegawai kanan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran telah meletakkan jawatan yang pengaliran pengeluaran ataupun pemberhentian pegawai-pegawai yang telah menubuhkan konsultan sendiri begitu ramai dan pengambilan kakitangan tidak dapat dilaksanakan oleh jabatan. Dan kita sebenarnya telah kehilangan pegawai-pegawai pakar kita begitu banyak dan carta organisasi Jabatan Alam Sekitar sendiri sebenarnya harus dilihat kembali supaya satu penyusunan semula Jabatan Alam Sekitar mempunyai kakitangan pengurusan yang baik di peringkat atasan tetapi telah mempunyai kakitangan-kakitangan bawahan untuk melaksanakan tindakan di seluruh negara kita agak lemah dan agak kurang dari segi tenaganya.

Saya mohon Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengkaji masalah ini dan sebagaimana yang kita tahu pindaan kepada akta ini juga berasaskan kepada akta ibu asal iaitu Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 1978, Peratauran 11 sekurang-kurangnya ada 3 bentuk keadaan yang boleh membenarkan pembakaran terbuka.

Pertamanya, kepada pembakaran terbuka untuk mengawal penyakit, penyakit haiwan, penyakit secara botani, penyakit pokok ataupun bentuk latihan dan juga pertanian kecil-kecilan serta pembakaran kecil-kecilan di rumah. Jadi kalau boleh semua ini harus dikaji semula oleh kementerian ataupun melalui akta yang akan kita luluskan ini tetapi dengan menyediakan peraturan-peraturan yang lebih saksama dan bijaksana oleh kementerian. Semoga-moga peraturan ini tidak semata-mata akan menjadi undang-undang tetapi dalam masa yang sama kita tidak menyediakan resolusi yang sepatutnya dapat dilaksanakan oleh orang ramai dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan pandangan-pandangan tadi supaya ianya boleh dibuat peraturan-peraturan di bawah akta ini semoga ianya akan memberi manfaat kepada kualiti

alam sekitar kita demi untuk masyarakat kita dan generasi kita yang akan datang.  
Terima kasih.

**Ramai Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jiuin bin Jimin dahulu.

**4.05 ptg.**

**Tuan Jiuin bin Jimin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahas Rang undang-undang Kualiti Alam Sekeliling ini. Sebenarnya hanya satu perkara sahaja saya hendak sentuhkan. Kita semua tahu sebab-sebab rang undang-undang ini diperkenalkan iaitu disebabkan oleh jerebu yang sangat teruk pada baru-baru ini.

Tetapi sebelum saya menyokong rang undang-undang ini saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar beberapa perkara. Setahu saya jerebu ini adalah akibat daripada pembakaran besar-besaran ataupun terbakarnya hutan di Indonesia dan juga sebahagian di Kalimantan. Saya juga ingat kerana saya juga penduduk kampung. Berpuluh-puluh tahun yang lalu sehinggalah sekarang ini petani-petani di daerah pedalaman menggunakan kaedah pembakaran di ladang-ladang mereka untuk menanam padi. Dan berpuluh-puluh tahun mereka menjalankan aktiviti ini tidak ada jerebu. Ini bererti jerebu ini bukan akibat kegiatan-kegiatan peladang-peladang di pedalaman.

Namun demikian dengan adanya rang undang-undang ini, apabila kita baca, rang undang-undang ini merangkumi keseluruhan pembakaran. Erti kata apabila rang undang-undang ini diluluskan peladang-peladang di pedalaman sudah tentu akan terdedah dengan rang undang-undang ini dan sehingga sekarang beratus-ratus peladang di pedalaman sama ada di Kudat, sama ada di Keningau, sama ada di pedalaman masih lagi mengamalkan aktiviti-aktiviti pembakaran di tanah mereka sendiri kerana itulah sahaja cara yang mereka tahu dan cara yang paling murah untuk mereka membersihkan kawasan dan menanam cucuk tanam mereka. Mereka tidak mampu dan belum lagi didedah dengan teknologi ataupun cara-cara yang murah. Jadi kalau sekiranya tidak ada pengecualian kepada mereka ini sudah tentu, yang saya tahulah rakyat Sabah kemungkinan besar tiap-tiap bulan banyak yang akan diheret ke mahkamah dan akan didenda dengan denda yang begitu besar

sehingga RM500,000. Dan mungkin tempat-tempat tahanan akan penuh dengan orang-orang yang sedemikian. Itu tidak apa.

Tetapi apakah akibatnya pandangan rakyat terhadap kerajaan di mana undang-undang yang sebegitu rupa akan hanya menyusahkan kepada rakyat yang sedemikian. Sedangkan pada masa ini dalam kegawatan ekonomi kita menggalakkan penduduk-penduduk kampung untuk meningkatkan lagi pengeluaran sama ada buah-buahan, tanaman padi ataupun apa sahaja bentuk hasil cucuk tanam, sedangkan kalau sudah ada undang-undang yang dalam pandangan saya hanya menyeluruh, tidak ada pengecualian untuk mereka ini setakat ini. Jadi, saya kluatir apabila undang-undang ini diluluskan tanpa pengecualian kepada orang-orang atau kumpulan-kumpulan sedemikian, saya rasa mungkin menyusahkan mereka.

Saya harap pihak kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini. Jangan pula oleh kerana kita panik untuk menyelesaikan dan mencegah pembakaran ini oleh pengusaha-pengusaha syarikat yang besar juga akibat dari kebakaran di Indonesia kita terburu-buru melaksanakan satu peraturan yang mungkin tidak mengambil kira masalah tempatan seperti peladang-peladang yang hanya tahu menggunakan cara ini sahaja, tidak ada cara yang lain. Jadi, dengan itu saya sekali lagi berharap agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengambil kira perkara ini sebelum pelaksanaannya dilakukan. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

**4.12 ptg.**

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian yang berkenaan kerana dapat meminda undang-undang tersebut kena pada masa keadaan di negara kita sekarang ini. Kita sedia maklum bahawa negara kita baru-baru ini telah dilanda dengan hal jerebu yang begitu teruk sekali dan begitu juga bukan sahaja jerebu tetapi kebakaran hutan-hutan dan tanah-tanah gambut di negara kita yang melibatkan bukan sahaja kerugian tetapi pihak bomba di negara kita telah pun berhijrah ke negara jiran kita untuk membantu kebakaran bagi meredakan jerebu yang melanda negara kita ini sehingga ada di antara pasukan bomba kita yang cedera, sakit sehingga ada kematian. Masalah yang timbul kerana kebakaran tersebut.

Kita bimbang kalau pembakaran terbuka ini tidak dikawal akan menimbulkan pelbagai masalah. Kita tahu kalau jerebu ini berpanjangan mungkin akan menjejaskan Sukan Komanwel yang akan diadakan tidak sampai 100 hari lagi. Oleh itu undang-undang ini memang patut kita sokong dan kita luluskan pada hari ini. Kita merasa kesal jerebu melanda negara kita, ketika jerebu melanda ada media massa negara luar yang mengambil kesempatan memfitnah memburukkan negara kita hingga menyebabkan banyak pelancong tidak mahu lagi datang ke negara kita, berkurangan dengan begitu ramai sekali. Jadi ini menjadikan dukacita kita katakan kepada pihak media massa yang telah melakukan perkara tersebut iaitu mengambil peluang memfitnah keadaan yang telah berlaku di dalam negara kita.



Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh seksyen 29A atau 29B ada menyebut bahawa pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalannya atau tanpa pengetahuan atau pembiaran atau persetujuannya. Ini ada kaitan dengan undang-undang atau denda yang akan dikenakan. Jadi saya berharap Kementerian yang berkenaan akan menerangkan maksud pindaan 29A atau 29B tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pembakaran terbuka yang mana berlaku tersebut iaitu melibatkan banyak perkara di dalam negara kita, melibatkan pasukan bomba, melibatkan pasukan tentera, melibatkan pasukan orang-orang awam dan sebagainya untuk menghadapi perkara jerebu tersebut. Saya ingin tahu bagaimana orang-orang luar bandar nanti kalau undang-undang ini kita luluskan iaitu kita faham sekiranya mereka hendak membersihkan keliling rumah tentulah sedikit sebanyak pembakaran dilakukan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi. Ini satu masalah yang patut kita fikirkan. Kalau kita hukum sekalipun tidak akan menyelesaikan masalah kerana pembakaran mesti berlaku sama ada secara sengaja atau tidak sengaja jadi terpaksa kita mencari alternatif yang boleh mengatasi masalah tersebut. Pokok kelapa sawit ataupun pokok getah untuk tanam semula besar kemungkinan kita hendak bakar. Ini juga menimbulkan masalah kepada kita.

Saya dapat tahu baru-baru ini ada satu jentera yang boleh digunakan yang dinamakan jentera 'mobak' jentera ini juga boleh digunakan untuk mengelakkan cara pembakaran kalau membuat estet ataupun membakar pokok-pokok yang saya katakan tadi. Jentera ini telah digunakan oleh pihak Koperasi NASCO tetapi harganya begitu mahal sekali. Pokok-pokok kelapa sawit itu boleh dimesin dengan begitu halus sebagai tepung dan hasilnya boleh dijadikan baja. Maksud saya, kalau benar mesin ini telah digunakan dengan begitu baik saya harap pihak Kementerian dapat mencari jalan supaya mesin ini dapat diperluaskan penjualannya dan mengurangkan harganya kerana harganya begitu mahal sekali. Jadi ini satu perkara yang baik bagi mengatasi dengan tidak cara kita menghukum mengadakan undang-undang tersebut sahaja. Jadi kita ada alternatif bagaimana memelihara kualiti alam sekitar negara kita supaya kita menggunakan mesin-mesin yang saya sebutkan tadi. Kalau kita menghukum sahaja pun tidak menyelesaikan masalah.

Satu perkara lagi kita tahu bahawa kaum Cina dengan upacara keagamaan, bila ada kematian dia membuat rumah kertas dengan menggunakan buluh dan sebagainya, selepas itu dibakar. Ini pun satu hal juga yang terpaksa kita hadapi. Jadi Kementerian mesti memikirkan satu akta yang bagaimana kita menentukan keadaan untuk memudahkan atau tidak menjadikan masalah kepada penduduk-penduduk khususnya orang-orang kampung yang membakar untuk membersihkan keadaan sekeliling rumah untuk kebersihan rumah tangga mereka termasuklah upacara keagamaan yang membakar rumah kertas itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada nota yang diberikan tadi, saya tidak akan memanjangkan kerana kita hari ini hendak cepat, cukuplah setakat itu pandangan saya, dengan ini saya menyokong Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.

**4.18 ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong sepenuhnya pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang sangat menepati masa dan ketikanya di mana sejak akhir-akhir ini kualiti alam sekeliling kita ada kalanya amat gawat.

Pencemaran disebabkan oleh pembakaran terbuka dan kadangkalanya menjadi tradisi kita sejak lama sering berlaku di atas kurangnya komitmen dan tidak cukup celik di atas perkara ini. Semoga dengan pindaan ini kerajaan akan dapat melaksanakannya dengan berkesan dan sambil mengambil kira kesan sampingan yang harus kita tangani dahulu, contohnya untuk petani-petani kecil dan lain-lainnya. Selalu disebutkan oleh rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini undang-undang sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah. Mekanisme kerajaan perlu cukup bagi menjalankan beban tugas pelaksanaan perkara ini. Pada peringkat awalan saya kira perlu ada kepekaan ataupun awareness di segenap lapisan masyarakat dan juga target group yang harus kita hendak laksanakan undang-undang ini dan pada pendapat saya pindaan ini juga, dengan izin, saya rasa ada 'contradiction' nya, 29A contohnya, mendefinisikan hukuman dan kesalahan, dan kemudiannya 29C pula sudah ada pembelaan yang sedia ada. Sesiapa pun saya kira akan dapat memberi alasan dan memberi bukti bahawa akhirnya mereka tidak dapat didakwa. Tambahan pula dengan seksyen 44 pendakwaan hanya boleh dibuat dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan adakah di mana-mana di dalam Akta ibu yang membolehkan yang membuat angkara bukan sahaja pemilik yang boleh didakwa; jika tidak ada, harap perkara ini boleh diambil kira. Oleh kerana di atas tajuk menjaga kualiti alam sekeliling dan kita tidak menggalakkan pembakaran secara terbuka, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat mempercepatkan penerimaan sistem kitar semula di dalam masyarakat kita, perlu ada program bagi menggalakkan supaya bahan-bahan sampah-sarap kita dapat kita pisahkan yang perlu dibakar dan perlu dikitar semula semoga kualiti alam sekitar akan lebih baik kerana dengan menggalakkan program kitar semula ini kita akan dapat meningkatkan lagi keadaan alam sekitar dan saya ingin mencadangkan supaya diberi insentif-insentif tertentu ataupun galakan-galakan bagi mana-mana organisasi ataupun NGO-NGO dan orang-orang perseorangan yang kini sudah mula kenal dengan amalan kitaran semula ini. Dengan ini juga saya ingin tahu apakah polisi kementerian di atas perkara ini. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**4.25 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan. Pertamanya ialah tentang definisi pembakaran terbuka. Kita dapati ini adalah merupakan satu peruntukan baru yang dimasukkan untuk dijadikan sebagai satu kesalahan atau larangan ke atas larangan pembakaran terbuka. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah sebenarnya yang didefinisikan dengan pembakaran terbuka. Walaupun dalam subsekyen (1) ada disebutkan ertinya tetapi pada hemat saya ianya terlalu luas memandangkan bahawa pembakaran terbuka ini seperti ramai rakan di dalam Dewan tadi yang telah

menyebutkan bahawa ianya adalah satu perkara yang banyak dilakukan sama ada mereka di pedalaman dan juga termasuk mereka yang tinggal di kawasan bandar yang mungkin membakar sampah, mereka yang tinggal di kampung yang membakar untuk membuka kawasan ladang. Saya juga difahamkan di kawasan sawah padi di mana jerami perlu dibakar dan atas arahan Jabatan Pertanian sekali - membakar jerami, salah satunya adalah untuk membunuh serangga 'bina perang'.

Jadi kita dapati ini adalah satu perkara yang akan merumitkan pihak kementerian untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini. Tambahan pula, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Saya tahu pindaan ini adalah atas respond 'the great haze' 1997, dengan izin, yang telah berlaku akibat kesan El-Nino kerana El-Nino, kemarau El-Nino dan juga kebakaran hutan seluas 280,000 hektar yang mana telah menyebabkan jerebu di Kalimantan Timur, Sabah dan Sarawak termasuklah juga di Malaysia Barat. Jadi kita ingin tahu adakah sebenarnya, kerana kebakaran yang seluas itu yang menyebabkan jerebu ataupun pembakaran yang memang dari zaman nenek saya lagi yang dilakukan di kampung-kampung itu menyebabkan jerebu.

Saya ada mendapat satu jawapan dari pihak kementerian yang mengatakan bahawa ada technology remote sensing, dengan izin, DIS dan GPS yang boleh digunakan untuk membantu dalam bidang pengurusan bencana alam di mana teknologi ini digunakan dalam pengawalan kebakaran hutan, jerebu dan pengesanan aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan-kawasan tadahan air. Justeru itu, mungkin kita hendak tahu dengan lebih terperinci rasional peruntukan ini kerana ianya banyak menimbulkan masalah.

Sewaktu saya balik kampung, saya juga diberitahu oleh ketua kampung mereka berdepan dengan pegawai-pegawai daerah dan bertanya, macam mana ini, kalau undang-undang baru - bakar kawasan ladang, kena denda, denda pula itu tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh 5 tahun atau kedua-duanya. Jadi macam mana dia hendak bertani, kita banyak berkempen untuk pertanian. Saya percayalah, bukan semuanya yang akan membuat secara kecil-kecilan tetapi bagi mereka, saya ingat memang perlu, kerana ini adalah salah satu

daripada kegiatan yang lazim di kampung-kampung. Jadi ini sudah timbul konflik dan kalau kita tidak berhati-hati, kita mungkin akan menjadikan ini satu masalah.

Mengenai perkataan “premis” – premis yang digunakan termasuklah mana-mana tanah, ini juga terlalu luas. Saya percaya bahawa tujuan rang undang-undang ini ialah untuk kita dapat menghukum mereka yang telah membuat pembakaran dalam kawasan-kawasan yang luas seperti estet-estet kalapa sawit ataupun juga mungkin di syarikat-syarikat kayu (timber) yang melakukan pembakaran kerana membuka tanah-tanah baru.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan bahawa peruntukan ini mungkin perlu disemak semula ataupun dalam peraturan-peraturan diberikan definisi secara terperinci apa yang dimaksudkan dan tentang pembakaran terbuka dan pemakaiannya. Siapa yang dikatakan, dimasukkan dalam kategori yang boleh disalahkan di bawah Fasal 29A. Ini kita dapati walaupun ada pembelaan, bahawa jikalau dapat ditunjukkan bukannya dilakukan oleh seseorang itu, ini biasalah sebab kita tidak boleh menghukum mereka yang tidak bersalah. Tetapi saya bersetuju dengan rakan-rakan tadi, terutamanya dari Sabah yang mengatakan pembakaran terbuka ini akan menimbulkan masalah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa jerebu ini adalah satu masalah bukan sahaja masalah nasional tetapi di peringkat antarabangsa. Kita dapati banyak laporan di majalah antarabangsa dan juga dari berita-berita di CNN dan sebagainya yang mengatakan tentang masalah jerebu (haze). Contohnya di Malaysia, untuk Sukan Komanwel Ke XVI, ada kawan saya yang mendapat berita dari Internet yang bertanya kepada kawannya “adakah awak masih hidup ataupun sihat” sebab dia ada mendengar jerebu di Malaysia ini begitu teruk dan ramai yang sakit. Jadi memanglah sepatutnya kita mengambil tindakan untuk berhati-hati.

Jadi, saya inginlah mencadangkan bahawa mungkin elok kalau kita adakan *Haze Watch* dalam berita cuaca kita di kaca TV kerana sekarang ini dalam ramalan cuaca kita menyebut tentang hujan, matahari tetapi saya rasa tidak ada tentang jerebu. Mungkin ini akan dapat memberi gambaran kepada orang luar bagaimana keadaan jerebu di negara ini, keadaan yang sebenarnya. Kita dapati, contohnya dalam *Time* magazine, 18 Mei 1998 – ada column *Travel Watch* – “hazy about

Asia's haze, travellers find that a few destination are effected". Ini mungkin favourable to us tetapi inilah jenis-jenis pemberitahuan (captions) yang perlu kita buat sama ada dalam majalah international yang perlu kita sorotkan ataupun dalam program-program televisyen untuk dapat kita memastikan bahawa berita yang sebenarnya dapat sampai kepada mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa dari segi penguatkuasaan tentang kawalan jerebu ini perlulah merupakan satu penguatkuasaan yang lebih berkesan dan menggunakan seperti mana yang dikatakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa adanya teknologi canggih yang dapat mengesan tentang perkembangan jerebu ini. Kita tidak mahulah jerebu ini dijadikan satu isu yang mungkin satu masa nanti kalau hendak dekat pilihan raya ianya akan menjadi satu isu kerana banyaknya penangkapan yang tidak sepatutnya. Perlulah dibuat kajian yang terperinci kerana saya agak khuatir perkara ini akan menjadi satu masalah, yang sebenarnya yang kita hendak tangkap itu tidak ditangkap tetapi yang lain pula menjadi satu masalah. Penguatkuasaan ini mestilah satu team yang saya katakan tadi, peringkat teknologi tinggi yang lebih ke arah mengesan sumber jerebu yang boleh memberi implikasi kepada cuaca dan bukannya setakat yang mana kita dapati sebelah petang umpamanya banyak asap yang berkepol-kepol tetapi ia sebenarnya bukan penyebab jerebu yang akan memberi implikasi kepada cuaca.

Tuan Yang di-Pertua, esok adalah World Environment Day dan saya rasa bertepatanlah kita juga hari ini membincangkan Akta Kualiti Alam Sekeliling, seterusnya memberi sokongan dan saya harap memberi perhatian kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi dan kita juga harap bahawa kita akan sentiasa ingat bahawa alam sekeliling ini, dunia ini adalah warisan yang perlu diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang dahulu. Sila.

**4.37 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar – seksyen 29A(3) iaitu bagi maksud subseksyen (1) – “pembakaran terbuka”. Pembakaran terbuka ini definisinya merangkumi semua pembakaran seperti yang dilakukan oleh petani-petani iaitu keturunan kaum Iban di Sarawak yang menggunakan pembakaran apabila mereka hendak turun ke ladang, mereka wajib membakar tanah-tanah mereka untuk bercucuk tanam.

Oleh itu, saya berharap kementerian ini mengambil kira perkara-perkara ini oleh sebab turun-temurun selama ini mereka telah membakar secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, pembakaran itu tidak menjejaskan alam sekitar kerana semasa dahulu sebelum El-Nino terjadi, tidak ada jerebu meliputi kawasan kita di Sarawak. Walau pun Sarawak pada masa itu dilanda oleh jerebu dalam tahun lalu, telah diberi taraf darurat oleh kerana jerebu telah melanda negeri Sarawak daripada Kalimantan Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini tidak akan terjadi lagi. Walau bagaimanapun, kerajaan telah berusaha untuk menjalankan apa-apa aktiviti mereka untuk menjaga kemungkinan terjadi kembali jerebu ini nanti. Oleh kerana punca jerebu kita telah maklum, berpunca hari kemarau iaitu kerana El-Nino. Bukan kita di negeri Malaysia ini sahaja kena El-Nino tetapi kita telah tahu dari surat-surat khabar, di Australia, Amerika, Mexico telah pun dilanda kemarau ini dan kebanyakan hutan mereka pun sudah musnah kerana kebakaran.

Oleh itu juga, saya minta kementerian berhati-hati juga kerana jerebu tetapi kita akan memikirkan asap dari kilang industri, di negeri kita ini kebanyakan industri kita yang utama iaitu industri petroleum yang menggunakan pembakaran, saya minta penjelasan dari kementerian adakah pembakaran petroleum ini yang selalu digunakan dibakar, adakah ini diambil tindakan oleh kementerian?

Begitu juga kilang-kilang besi yang mengeluarkan asap yang lebih tebal, itu pun juga telah mencemarkan alam sekitar kita. Saya berharap kementerian ini juga mengambil kira dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi meminta kementerian berhati-hati untuk membenarkan pembakaran terbuka ini tidak melibatkan kepada para petani. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

**4.41 ptg.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk turut membahas rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini dan saya akan cuba sependek mungkin tidak akan menyentuh mana-mana yang telah disentuh oleh rakan-rakan, kalau tersentuh itu bermakna untuk menguatkan dan menyokong sebagaimana yang mereka cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998, pertama, saya ingin menyentuh mengenai penalti yang telah ditetapkan sebanyak RM500,000 atau tidak lebih lima tahun penjara dan ramai yang saya dengar dari rakan-rakan rata-rata tidak bersetuju seandainya ianya juga melibatkan petani-petani, peladang dan tidak terkecuali penanam tebu seperti di Chuping, Perlis dan begitu juga kalau tidak silap saya sahabat-sahabat Tionghua kita yang beragama yang membakar-bakar itu, kalau itu pun dikenakan saya ingat susahlah itu, jadi, kalau boleh itu di kecualikanlah, tetapi saya yakin perincian akan dibuat dan perkara seumpama ini tidak akan melibatkan orang-orang tertentu kecuali mereka yang memang patut dikenakan denda seumpama ini, penalti seumpama ini sebab kalaulah orang kampung atau orang desa yang dikenakan penalti seumpama ini alamat seumur hiduplah susahlah dia untuk membayar denda atau melaksanakan hukuman yang dikenakan.

Saya juga turut ingin bertanya kepada kementerian iaitu mengenai dengan apakah selain daripada langkah-langkah yang telah dibuat, adakah kementerian telah bersedia ataupun telah melaksanakan kursus-kursus khas, sebagai contoh barangkali mungkin sudah sampai waktunya untuk memperkenalkan sebagai mata pelajaran di sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah, sekolah menengah ataupun di institusi pengajian tinggi, iaitu soal cintai alam sekitar kita ataupun apa juga bentuk yang menjurus ke arah menjaga alam sekeliling kita. Saya percaya bahawa

ini perlu kita tangani daripada bawahan lagi, dari peringkat anak-anak sehinggalah kepada peringkat seperti yang kita ada sekarang ini.

Saya bersependapat dengan rakan-rakan terutama saudara Yang Berhormat Janggu Anak Banyang di mana kilang-kilang saya sentuh di Sabah, ada kilang-kilang yang terletak hampir di tengah-tengah bandar, kalau kira tidak jauh lebih kurang dalam lima batu ataupun lapan kilometer daripada bandar dibenarkan, saya tidak tahu atas spesifikasi apa, atas alasan apa ia dibenarkan, sedangkan asapnya itu masya Allah, bukan sedikit, saya pun susah hendak bercakap juga sebab saya tidak tahu macam mana huraianya tetapi terlampau banyak.

Begitu juga di Kota Kinabalu barangkali kalau saudara-saudara yang berkesempatan ke Kota Kinabalu sekadar menyebut beberapa tempat, di Sutera Harbour diletakkan sebuah janakuasa yang mengeluarkan asap yang bukan sedikit, tetapi saya tidak tahu kalau mereka menggunakan barangkali teknologi yang moden yang menyebabkan ianya tidak akan mencemarkan alam sekeliling, saya tidak tahu tetapi saya juga ingin bertanya, adakah kementerian menyedari bahawa benda-benda ataupun perkara-perkara ini mendapat keizinan dari kementerian ataupun mungkin kerana teknologi canggih yang saya sebutkan akhirnya ianya dibenarkan. Di Kota Kinabalu, Sutera Harbour dan di Lahad Datu, kilang papan lapis yang boleh dikatakan terletak di tengah-tengah bandar, sekadar menyebut beberapa tempat dan di tempat saya di Keningau pun begitu juga.

Jadi, saya percaya inilah barangkali yang patut diambil tindakan, yang mengakibatkan jerebu ini pun begitu saya difahamkan bahawa jerebu ini sebenarnya memang bukan disengajakan, saya masih ingat kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, dia kata semua ini adalah takdir Allah S.W.T., memang tidak dapat dinafikan. Tetapi kalau dapat memang kita ingin supaya perkara kebakaran ini seperti yang berlaku di negara jiran kita dan akhirnya kita juga terjerumus dengan jerebu ini, negara-negara ASEAN juga turut terjerumus, jadi, untuk itu saya ingin bertanya kepada kementerian adakah sebarang pelan tindakan serantau yang telah dilaksanakan dan bagaimanakah mengatasi jerebu yang melanda negara ASEAN ini, adakah satu pelan tindakan khusus untuk bukan



sahaja di Malaysia tetapi seantero ASEAN sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi.

Begitu juga saya ingin bertanya, adakah sebarang bantuan daripada United Nations, Environmental Programme ataupun Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diberikan kepada negara kita Malaysia dan Indonesia semasa jerebu melanda negara kita baru-baru ini dan semasa kebakaran ini berlaku, adakah peralatan canggih Malaysian Centre of Remote Sensing dan Global Position System bersama-sama dengan satelit untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang terbakar selain daripada menggunakan helikopter ataupun kapal-kapal daripada angkatan tentera mengesan kawasan-kawasan yang terbakar.

Seandainya tidak ada apakah kementerian berhasrat untuk menggunakan alat-alat canggih ini bila ada sahaja kebakaran, dia tahu, oh di sini ada kebakaran, jadi, cepat-cepatlah kita gunakan apa-apa yang patut sama ada pasukan ranger hutan kita untuk membantu memadamkan kebakaran ataupun saya pernah terlihat di sebuah rencana di mana helikopter yang saya tidak tahu sama ada buatan Russia ataupun Amerika Syarikat, tetapi helikopter itu dia boleh memadamkan kawasan yang terbakar itu dalam masa yang singkat.

Jadi, apakah kementerian juga berhasrat untuk membekalkan Pasukan Keselamatan Bomba dan Penyelamat bagi tujuan memadamkan kebakaran sama ada untuk bangunan ataupun untuk hutan sesuai dengan pindaan ini dan sekiranya ada, adakah kita telah bersedia untuk melatih pakar-pakar kita untuk mengendalikannya.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan kebakaran paya gambut. Paya gambut ini biasanya terbakar salah satu daripada yang disebut oleh rakan-rakan kerana akibat dari El-Nino. Jadi, bila ini terbakar nampaknya ahli-ahli pasukan bomba kita ada yang berpengalaman dan ada yang kurang berpengalaman, adakah pasukan bomba kita telah dilatih, dihantar ke luar negara untuk mempelajari bagaimana untuk mengawal bila berlaku kebakaran terutama di kawasan-kawasan paya gambut yang memang lambat dipadamkan.

Satu perkara lagi, saya juga ingin bertanya oleh kerana masalah jerebu ini adalah masalah global, adakah sebarang tindakan nasional dengan kerjasama

kerajaan-kerajaan tempatan seperti yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur dan di tempat-tempat lain, saya lihat bahawa mereka juga, saya tidak tahu di sebelah sini, tetapi saya nampak melalui kapal terbang sahaja, kebakaran itu kebanyakan berpunca daripada pembakaran sampah.

Jadi, begitu juga di negeri Sabah, beberapa daerah dalam bahagian di Sabah pun rata-rata mereka menggunakan pembakaran itu sebagai cara untuk melupuskan sampah. Jadi, adakah perancangan daripada kementerian atau barangkali kalau boleh kita pinjam teknologi daripada Jepun atau Jerman, kebetulan saya pernah melawat Jerman, sampah-sampah itu mereka beli.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okay.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Sampah-sampah yang mereka beli, kemudian mereka kitar semula untuk dijadikan bahan aspal dan bahan-bahan lain seperti baja dan sebagainya.

Jadi, apakah kementerian juga akan mempunyai perancangan begini, untuk memudahkan, tidak payah lagi kita bakar, masuk dalam mesin, kitarnya dan itu juga akan mendatangkan kewangan yang lumayan kepada kementerian.

Akhir sekali saya juga ingin bertanya apakah hasil siasatan punca jerebu, pembakaran terbuka yang telah berlaku baru-baru ini dan begitu juga saya juga ingin mencadangkan supaya Indeks Pencemaran Udara ini kalau boleh kita buat macam ramalan cuaca, setiap hari memang ada, tetapi barangkali kita di sini tidak payah sebab ini nampak La-Nina ini pun sudah mulai melanda negara kita, kalau betul La-Nina ini datang, hujan sudah melanda, jadi, barangkali bila hujan datang, jerebu ini pun sudah tidak ada. Tetapi kalau boleh kita minta kementerian menyediakan indeks bacaan setiap enam bulan atau setiap tiga bulan, sekurang-kurangnya dalam surat khabar atau dalam radio atau dalam media massa terutamanya televisyen kita ada beberapa channel, buat di situ, kalau yang itu boleh buat, kenapa yang ini kita tidak boleh buat, untuk laporan selama tiga bulan ataupun selama enam bulan.

Jadi, para pelancong pun bila mereka melihat, oh, Malaysia sudah bersih daripada jerebu dan sebagainya. Jadi, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon supaya ianya dapat dilaksanakan untuk jangka masa tiga bulan atau enam bulan ataupun tempoh yang bersesuaian, saya ingat kementerian pun lebih bijak untuk menentukan time atau masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali, akhir dari yang akhir, saya ingin bertanya mengenai dengan fungsi Asean Specialised Meteorology Centre (ASMC) yang ditempatkan di Singapura, apakah sebenarnya fungsinya dan apakah sumbangannya semasa jerebu melanda negara kita baru-baru ini.

Jadi, sekali lagi kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah membawa Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 pada kali ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas, mudah-mudahan dengan adanya pindaan ini akan bersihlah negara kita daripada jerebu dan dari pollution yang kita tidak ingini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey.

**4.51 ptg.**

**Datuk Yee Lung Fook Geoffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa negara kita mengalami jerebu dan haze, kita juga menghadapi masalah air. Banyak kenyataan telah dibuat berhubung dengan sukatan air dan penjimatan air. Saya tidak mahu bercakap panjang tentang apa yang telah diperkatakan.

Akan tetapi, saya rasa telah tiba masanya kita mengambil perhatian yang serius terhadap kualiti air yang diterima. Selama ini tidak ada orang membangkitkan perkara ini kerana kita tidak menghadapi masalah kekurangan air dan kebersihan air kurang dipersoalkan. Pada musim kemarau, paras air di sungai dan empangan menjadi rendah. Pembersihan air perlu dilipat ganda kerana air pada musim kemarau lebih pekat dengan pelbagai bahan kotoran dan larutan.

Sebelum masalah ini menjadi lebih serius, kita haruslah mengambil inisiatif untuk memastikan sumber air kita bersih dan selamat digunakan. Salah satu langkah segera yang perlu diambil ialah dengan menguatkuasakan tanah simpanan sungai di kedua-dua tebing sungai terutama sekali daripada tempat pengepaman air sehingga ke hulu sungai. Mengikut ordinan tanah yang sedia ada

setiap sungai mempunyai tanah simpanan sungai sepanjang satu chain, dengan izin, atau 66 kaki atau dua kali ganda lebar sungai. Tanah simpanan sungai ini tidak boleh diusik sama ada dengan mendirikan rumah atau dijadikan tempat pertanian. Ia mestilah dipelihara dalam keadaan semula jadinya. Ini akan memastikan air sungai ini sentiasa bersih sehingga ke tempat pengepaman. Dengan ini air yang dipam untuk dihantar ke loji pembersihan air adalah benar-benar bersih.

Selama ini kita tidak mengambil berat tentang tanah simpanan sungai kerana kita tidak menghadapi masalah air. Apabila kita menghadapi masalah air kebanyakan daripada kita lebih suka menyalahkan orang lain daripada mengakui bahawa kita, malah setiap orang turut menyumbang kepada masalah yang kita alami.

Seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Ucapan Diraja, Baginda telah meminta semua agensi yang terlibat menguatkuasakan undang-undang dengan berkesan agar tidak berlaku pencemaran sungai di kawasan punca air.

Saya menyokong penuh saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Dengan penguatkuasaan tanah simpanan sungai ini kebersihan punca air akan lebih terjamin. Walaupun penguatkuasaan undang-undang ini akan menimbulkan pelbagai kerumitan kepada setengah-setengah pihak tetapi demi menjaga punca air yang lebih bersih, demi mengelakkan punca air daripada tercemar dan yang paling penting demi menjaga kesihatan setiap rakyat, kita harus berkorban. Mereka yang bercucuk tanam di tepi sungai dan mendirikan rumah berdekatan dengan sungai seharusnya tidak berbuat demikian bermula dari awal lagi kerana mereka memang tahu akan kewujudan tanah simpanan sungai ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya pihak berkuasa tempatan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perparitan dan Saliran serta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengambil langkah segera untuk memastikan pemuliharaan tanah simpanan sungai ini dikuatkuasakan demi menjaga kebersihan air sungai yang menjadi sumber air makan dan minum kita seharian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Choo.

**4.57 ptg.**

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil perbahasan bagi Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana membuat pindaan ini untuk mengelakkan masalah yang telah dihadapi dan meningkatkan lagi kebersihan alam sekitar kita.

Saya percaya hukuman RM500,000 ataupun lima tahun penjara itu cukup kuat untuk menahankan pihak-pihak yang tertentu daripada terlibat dalam pembakaran terbuka dan menyebabkan jerebu atau lain-lain masalah.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu negara kita pun memang ada kebakaran dan membuat pembakaran terbuka di sana sini, tetapi tidak menghadapi masalah jerebu atau lain-lain masalah. Saya khuatir bahawa dengan akta ini, program-program yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian itu akan terjejas kerana saya dapati banyak kerajaan negeri telah mengenal pasti beribu-ribu hektar akan dimajukan untuk aktiviti pertanian, sama ada untuk tanaman jangka panjang atau tanaman jangka pendek. Kalau untuk kedua-dua jenis tanaman ini, maka pembersihan hutan itu harus dijalankan. Jadi, kalau sekiranya dengan akta ini pembakaran tidak dibenarkan, saya terpaksa minta pakar-pakar yang lain, bagaimana Kementerian Pertanian ini akan melaksanakan program mereka untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan pada masa inilah dalam masa kegawatan ekonomi ini, nasib baik ada pendapatan daripada kelapa sawit dan lain-lain tanaman untuk eksport kita dapat pertukaran asing untuk membaik pulih ekonomi kita, kalau ini susah hendak dilaksanakan atau tergendala, ini akan menjejaskan program aktiviti kita dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Yang Berhormat Tee Thiong Hock yang duduk di hadapan saya ini, kedua-dua kami ini memang ada pengetahuan dalam bidang pertanian, bukan sahaja .....

**Tuan Tee Thiong Hock:** *[Bangun]*

**Dato' Eng Hoi Choo:** Minta jalankah?

**Tuan Tee Thiong Hock:** Ya. Sebenarnya sudah lama saya tidak bergaul dengan Ahli Yang Berhormat Dato' Eng ini, mengapa Ahli Yang Berhormat kata masa sekarang saya masih ada lagi pengalaman dalam bidang pertanian? *[Ketawa]*

**Dato' Eng Hoi Choo:** Lupa pula ini! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, dia dari satu unviersitilah, sama jurusan juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tanaman jangka pendek, sahabat saya Yang Berhormat Puan Kamilia telah mengutarakan pelbagai masalah, kalau untuk tanaman jangka pendek, kalau tidak dibakar tidak boleh ditanam langsung dan saya ingin hendak memberitahu Dewan yang mulia ini di kebun saya ada menanam keledak, saya beritahu Dewan yang mulia ini satu 'experience' yang saya terpaksa beritahu, kalau ada bakar sedikit fibre keledak itu tidak ada, kalau tidak ada bakar sedikit, dalam keledak itu ada fibre, mutu keledak itu pun turun.

Saya dapati pelbagai tanaman jangka pendek kalau tanpa sedikit pembakaran sebelum menanam, kita tidak akan mendapat hasil yang baik dan bagus dan tambahan pula mutu pengeluaran itu juga akan turun atau dikurangkan. Jadi, ini akan menjejaskan para petani kita dari segi pendapatan dan juga dari segi hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini kalau sekiranya satu-satu pembakaran akan mengakibatkan jerebu atau masalah yang lain, saya mencadangkan bahawa kalau satu-satu kawasan yang dikehendaki pembakaran terbuka, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh menyekat misalnya dalam kawasan seluas 1,000 ekar, setiap 200 ekar bagi setiap satu peringkat. Jadi, masalah jerebu akan dikurangkan.

Saya meminta Dewan yang mulia ini bagi aktiviti pertanian ini, pembakaran harus dibenarkan tetapi pembakaran ini pun harus dikawal atau disusun secara berperingkat-peringkat dan tidak menyebabkan masalah seperti jerebu atau masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itulah satu cadangan saya dan saya tidak mahu mengulang lagi masalah yang akan dihadapi dan perkara yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Akhir sekali, saya memanglah ‘anak kampung’, akta ini dengan hukuman RM500,000 dan lima tahun penjara kalau satu-satu pembakaran anak kampung tidak sedar kadang-kadang terjadinya kebakaran, kalau kena ditangkap dan dihukum dengan hukuman yang seberat ini, tidak patutlah, memang tidak patut.

Jadi, saya minta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kalau akta ini telah diluluskan .....

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata Yang Berhormat datang dari keluarga kampung, saya bersetuju dan terima kasih kerana berani bercakap benar. Ada dua pilihan di antara denda dengan penjara, yang mana Yang Berhormat pilih, kalau duit tidak cukup RM500,000 macam mana, sama ada penjara ataupun denda, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat.

**Dato’ Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, kalau anak kampung kena ini kedua-duanya pun dia tidak mahulah. *[Ketawa]* Yang pertama, dia tidak mampu dan yang kedua, dia tidak mahu masuk penjara, kedua-duanya pun tidak mahu. Jangan cakap RM500,000 - RM500 pun tidak tahan, jadi kedua-duanya pun tak mahulah, penjara lagi dia akan menangislah, tak hendak masuk penjaralah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memberitahu bagaimana caranya, beritahulah semua anak kampung, kalau baca surat khabar pun kadangkala di antara mereka itu hanya 5% atau 10% sahaja yang membaca surat khabar, yang mengetahui akta kita yang begitu tinggi dendanya sebanyak RM500,000. Jadi, saya mintalah maklumat atau kandungan di dalam akta ini dengan hukumannya dapat diterangkan sehingga semua pihak di kampung supaya mereka dapat memberikan kerjasama, supaya mereka tidak ‘commit’ kesalahan ini dan didenda sebanyak RM500,000 hukuman ataupun dimasukkan ke dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**5.07 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon bersama-sama dengan sahabat-sahabat yang lain mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 ini. Saya pun bersimpati dengan Yang Berhormat, apabila kita jugalah lahir di kampung macam mana hidup orang kampung, kalau ada pegawai-pegawai pun tahu mana yang datang dari kampung, apabila buat sahaja kebun sedikit dalam kampung kita terpaksa kadang-kadang kena bakar, kalau tidak banyak penyakit yang timbul dari tanaman ini seperti kulat dan sebagainya terutama padi. Tanaman padi, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini kalau jerami itu tidak dibakar, saya rasa pelbagai penyakit akan timbul.

Jadi, ini patutlah pihak kementerian menimbangkan sebagaimana cadangan Ahli Yang Berhormat tadi, supaya mengambil kira kembali kalau katakan dalam keluasan itu 1,000 ekar, berapa ekar yang boleh kita benarkan untuk dibakar dalam satu masa ataupun diberi kelonggaran kebenaran, bukanlah secara tutup terus.

Saya lihat rang undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian kepada Fasal 29A. Fasal 29A ini apabila pembakaran terbuka ertinya apa-apa pembakaran yang terbuka dan apabila salah dendanya adalah RM500,000 atau dipenjarakan selama lima tahun.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa dalam perkata Fasal ini saya rasa ada kelonggaran sedikit bahawa yang kita babitkan kesalahan itu adalah empunya (ownership) atau penduduk.

Adakah Ahli Yang Berhormat semua faham bahawa terutamanya di kampung-kampung, kadangkala tanah bukan dipunyai oleh seorang. Ia mempunyai co-owner atau lebih jelas lagi undivided share holder, seumpama tanah yang ditinggalkan sebagai pusaka. Tanah itu katakanlah tanah bendang seluas 10 ekar atau tanah kebun getah seluas 10 ekar dan 10 ekar ini tidak dipunyai oleh/hak satu orang. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu di Terengganu juga kalau tinggal 5 ekar tanah itu pun kadang-kadang ada empat, lima atau enam warisnya.



Katakanlah yang si-A itu pun membakar, kita pergi tangkap si-A, padahal di dalam geran hakmilik tercatat empat orang atau lima orang nama. Maksudnya undivided share dalam Kanun Tanah Negara adalah orang yang berhak di atas tanah dan dia tidak boleh menentukan tanahnya di bucu mana. Sama ada, letak tanah ini, oh tanah saya di Utara, tanah saya di Selatan, apabila pergi ke mahkamah perkara ini semua orang akan bertanggungjawab di atas tanah yang demikian. Itu dia maksudnya co-owner atau undivided share di dalam hakmilik.

Di dalam rang undang-undang ini tidak tercatat maksud pemunya yang khusus. Kita tidak dapat menentukan bahawa yang membakar itu bukan pemunya tanah atau katakan dia yang memiliki tanah tetapi bukan dia seorang. Yang mana yang hendak kita heret ke mahkamah? Kalau tidak silap saya di dalam Akta Perlombongan (Mining Enactment) apabila satu hakmilik itu terlibat dengan satu bencana, katakanlah hakmilik atau pajakan lombong itu memiliki dua pemilik atau tiga pemilik, keseluruhan pemilik itu bertanggungjawab walaupun dia tidak mempunyai hak di atas lombong yang tersebut kerana di dalam hakmilik itu tercatat dengan jelas nama beliau.

Ini adalah satu pertanggungjawaban tetapi dalam hal ini saya rasa kalau pergi ke mahkamah kita belum tentu boleh menentukan siapa yang bersalah di dalam perkara ini. Dia boleh cakap, "Bukan saya seorang yang punya". Ya, dia bawa geran. Lawyer akan kata bukan dia seorang yang punya, dia ada empat atau lima orang shareholder – tercatat di dalam geran. Di sini jelas mengatakan 'penduduk' – penduduk maksudnya pengguna, yang pemunya hakmilik. Pemunya – ownership, jelas! Ataupun penduduk kecualilah tanah estet yang luasnya 500 atau 600 ekar, 1,000 atau 2,000 ekar – tercatat nama pemilik estet yang tersebut ataupun nama-nama syarikat yang tersebut. Kita boleh saman syarikat itu, heret mereka ke mahkamah apabila mereka melanggar seksyen 29A ini, tetapi bagaimana kalau kita menghadapi masyarakat terutama masyarakat kampung yang mempunyai hakmilik berkongsi.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ada yang geran tanah berkongsi lima atau enam orang iaitu yang ditinggalkan oleh datuk atau nenek dia dahulu atau ayah dia – anak ada lima. Mengikut Kanun Tanah Negara, pecahan harta pusaka kecil kena bahagi semua waris kalau orang Melayu yang beragama Islam. Dia kena beri semua waris itu – lelaki, perempuan ikut hukum faraid atau hukum adat, ikut hukum syarak dan sebagainya. Bagaimana kita hendak menentukan kesalahan mereka kalau, katakanlah – kadangkala masalah lagi timbul bila dalam lima itu jual pula dua orang, dibunuhnya nama satu orang yang luar daripada keluarga, tidak tahu duduk di mana pun. Di situ saya nampak ruang-ruang atau loopholes, dengan izin, akan membebaskan orang yang bersalah kerana saya rasa kita tidak boleh menuding dia seratus-peratus, dia adalah pemunya tanah yang tersebut.

Saya berterima kasih kepada pihak kementerian kerana mengemukakan rang undang-undang ini. Saya rasa pembakaran secara besar-besaran, Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang patut dhalangi kerana apabila saya teringat satu lagi cerita. Saya kebetulan pada masa itu suka ikut orang memburu (hunting). Masa itu saya pergi ke Besaut – Besaut 1, Besaut II,

Besaut III. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri tahulah Felda Besaut. Masa itu kebetulan mereka membakar Besaut III, pasar yang berhampiran dengan Sungai Bernam. Bayangkanlah petang itu hendak masuk ke situ pun tidak boleh – dengan haba, dengan panas dan asap. Bayangkanlah ikan di Sungai Bernam itu walaupun Sungai Bernam itu dalam – timbul! Orang kampung di tepi itu yang bekerja menjadi buruh 15 estet kelapa sawit itu pergi menangkap ikan. Punya dahsyat oksigen tidak ada, bayangkanlah Sungai Bernam di sebelah Selatan bukan kecil-kecil, dalam pula itu tetapi kerana bahana asap oleh pembakaran itu, tidak ada oksigen langsung di permukaan air, timbul ikan. Ikan ini pun jangan kata tidak pakai oksigen, dia juga perlu oksigen, cuba tutup tanpa oksigen, insya-Allah ikan itu akan mati. Itulah bahananya pembakaran secara berleluasa dan terbuka. Memang saya bersetuju.

Begitu juga, kadangkala di pekan bak kata rakan kita Yang Berhormat Datuk Haji Sairin, kilang-kilang yang berhampiran dengan pekan ini pun bermasalah. Dekat rumah saya di Jalan Kuala Kangsar itu kilang buat pasu – seramik. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun tahu Jalan Kuala Kangsar ya, dekat Yoke Choy High School, atas dia itu ada kilang pasu. Asapnya petang, pagi jangan kira. Hendak bakar pasu untuk membuat pasu bunga ini bukannya senang, ia kena dua atau tiga hari baru ia boleh jadi pasu, kalau tidak ia jadi tanah. Bayangkanlah asap itu.....

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Rosli mahu minta laluan.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi laluan. Sebenarnya laluan ini tidak ada kena mengena dengan perbincangan perbahasan kita. Cuma saya ingin maklumkan hampir 30 Ahli-ahli Dewan Negara akan berangkat ke Sarawak pada petang ini. Kapal terbangnya pukul 8.00 lebih dan kena berlepas dari Parlimen pada pukul 6.30 petang. Bagi pihak Kelab Senator Malaysia dan Ahli-ahli Dewan Negara yang berangkat meminta kerjasama, kalau boleh kita ada satu lagi rang undang-undang, jadi kita make it short, kita tahu Yang Berhormat – bukan hendak ganggu Yang Berhormat Mustaffa dia boleh bercakap tiga atau empat jam tetapi hari ini satu daripada seribu hari yang perlu kita mempunyai kerjasama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Rosli. Memanglah saya bersama-sama hendak pergi. Ahli-ahli Yang Berhormat tahulah kapal terbang ini bukannya bas

yang boleh tunggu kita, dia tidak tunggu kita, kita kena tunggu dia. *[Ketawa]* Insyallah, saya sekejap lagi hendak habiskan.

Lagi satu, untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kadangkala saya kecil hati juga dengan Jabatan Alam Sekitar ini. Bukanlah saya hendak usik pegawai-pegawai yang bertugas di situ. Mereka pun banyak tugas, saya tahu mereka juga ke lam-kabut kerana melaksanakan undang-undang ini tetapi kadangkala saya buat laporan. Saya pergi jumpa dia, telefon dia, dia kata datanglah berjumpa. Saya pun tidak beritahu dia siapa saya. Saya khabarkan saya orang penduduk setempat sahaja. Pergi – dia kata isi borang, saya isi. Bubuh kad pengenalan – bubuh. Kalau dia minta cap jari pun saya bubuh cap jari tetapi amat kecewa diri saya ini, dua, tiga kali buat laporan saya tengok sungai itu – kecil sungai itu luas ini sahaja, *[menunjukkan jarak di antara tempat duduk bahagian A dan F]* masih lagi dipenuhi oleh air-air kapur kilang buat batu marmar – bukan seramik, marble factory. Saya sudah tegur itu, saya kata buatlah. Janganlah marah pula mana-mana pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, jangan kecil hati, ini teguran. Saya sudah buat laporan, jangan kata Ahli-ahli Yang Berhormat ini berpeluk tubuh, tidak tengok pun, kamilah bekerja kelam-kabut. Saya pun tolong, saya kata hendak pergi tangkap, jom pergi tangkap. Tidak apalah kami buat ambil tindakan di mahkamah. Sampai la, kata orang .....*[Memandang kepada Tuan Hanipah bin Ahmad yang bangun dan keluar Dewan]* Dah keluar, tidak apalah *[Ketawa]* Sampai la ini tidak ambil tindakan pun. Sungai itu masih tercemar. Saya tidak mahu sebut sungailah, nanti sebut sungai pegawai-pegawai DOE Ipoh itu terangkat. Nanti dia kata Yang Berhormat tidak berfikir panjang, kami pun ada anak, ada cucu, isteri pun ada dua, katanya. Susah! Jadi, biarlah.

Jadi, saya mintalah Jabatan Alam Sekitar ini, bila ada laporan tidak usahlah kira daripada siapa pun. Walaupun dari yang kecil, yang besar atau yang tengah – terima, siasat, buat, jalankan kerja. Sampai sekarang saya boleh tunjukkan. Kalau boleh ikan dalam sungai itu sudah tidak mampu hendak bercakap. Kalau dia boleh bercakap dia khabarkan, “Kami tidak sanggup hendak hidup di dalam air ini, kami hendak hidup atas darat” Fasal dia kata kami ada insang kami tidak boleh duduk di darat, kalau tidak dia pun hendak duduk di darat. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri besok datang ke Perak bolehlah, kalau hendak tengok sekali lalu tetapi tidak usahlah. Perkara itu biarlah depa buat kerja tetapi bila ada sahaja laporan, jalankan siasatan jangan tunggu. Kita beri kerjasama bukan tidak beri kerjasama. Nama saya pun ada tercatat itu, dua laporan saya buat. Sungai itu sampai hari ini pun masih keruh dan tandus. Dulu ada juga kangkung-kangkung subur boleh orang kampung kutip – kangkung pun sudah tidak larat hendak hidup, tidak rela hendak hidup – kurus kering, meruncing. Saya mintalah kepada Jabatan Alam Sekitar, berilah perhatian dan kerjasama. Lepas ini besok kalau ada yang tidak berpuas hati, jumpa saya, saya boleh tunjukkan. Kita bekerjasama, saya tidak ada masalah hendak membetulkan keadaan ini.

Saya kepada Kerajaan Negeri Perak pun saya tegur – apabila kilang-kilang batu kapur berselerak. Letak dekat gunung dia bawa jauh 60 batu. Saya kata apa bendanya ini yang dibawa jauh-jauh, apa salahnya dibuat di situ juga. Bakar batu kapur ini jadikan kapur. Kenapa perlu bawa ke Jalan Kampung Gajah sana? Dia kena centralised, jangan bertabur-tabur. Kilang kapur ini amat merbahaya, ia boleh mendatangkan kanser tetapi sekarang itulah yang berlaku di mana-mana sekalipun. Sebelum

kilang kapur diluluskan, kena berjaga-jaga sedikitlah. Saya pun insya -Allah, Kerajaan Negeri telah ambil tindakan, mana yang jauh-jauh itu sudah disuruh tutup terutama yang menyewa kilang-kilang di pinggir-pinggir jalan, disuruh masuk balik ke kawasan di Simpang Pulai, alhamdulillah Yang Amat Berhormat Tan Sri telah mengambil tindakan. Tidak ada apa yang menjadi masalah. Tetapi yang menjadi masalah ada dua, tiga kilang. Sungai itu sungai besar Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jadi, itulah ucapan saya, perbahasan saya. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di -Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**5.21 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 yang bertujuan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 khusus untuk mencari jalan mengawal kebakaran terbuka. Pindaan ini adalah melibatkan perkara 29A, 29B dan 29C.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sahabat-sahabat saya sebut tadi ada perkara-perkara yang tertentu yang kerajaan perlu memberi perhatian apabila melaksanakan undang-undang ini iaitu dalam masa kita ingin menggalakkan peladang-peladang ataupun rakyat yang mempunyai tanah untuk meningkatkan pengeluaran pertanian mereka, kita juga menghadapi masalah jerebu akibat daripada pembakaran. Pada suatu masa dahulu, kita tidak menghadapi dilema ini tetapi sekarang nampaknya jerebu sudah mengancam dan kita tidak mahu mengadakan undang-undang untuk mengatasi masalah jerebu yang kita belum pasti adakah berpunca daripada kebakaran terbuka ataupun berpunca daripada asap-asap lain yang sekarang ini juga telah ada banyak pembangunan yang bercorak industri yang juga mengeluarkan asap. Begitu juga kenderaan yang kita masih belum dapat kawal lagi, akibatnya rakyat yang mendapat hasil daripada asas pertanian – rakyat biasa di kampung seperti saya sebut tadi yang tidak tahu berkenaan pembangunan cara moden ini menjadi mangsa akibat daripada undang-undang ini.

Kita percaya walaupun ada akta yang memberi pembelaan kepada mereka yang bukan melakukan pembakaran terbuka secara sengaja tetapi kita ragu-ragu sama ada pegawai yang terlibat dengan penguatkuasaan ini dapat menjalankan tugas dengan adil. Oleh sebab itu kerajaan sewajarnya dalam zaman perkembangan sains dan teknologi ini mencari satu alternatif atau satu jalan bagaimana boleh membantu petani-petani untuk membersihkan tanah kawasan hutan mereka supaya mereka boleh meneruskan dengan bercucuk tanam. Begitu juga sekarang ini kita dapati jerami-jerami padi di padang, kerajaan sepatutnya mencari jalan supaya ianya boleh diguna untuk membuat kertas dan sebagainya supaya jerami-jerami ini tidak perlu dibakar. Kita tidak harus membiarkan rakyat mencari jalan bagaimana hendak menghapuskan ataupun hendak membersihkan hutan sedangkan mereka tidak mempunyai kepakaran dan juga kemudahan. Oleh itu pihak kementerian seharusnya menggunakan agensi-agensi lain yang ada dan menggunakan peruntukan-peruntukan yang ada untuk membantu rakyat supaya dapat mengatasi masalah jerebu akibat daripada pembakaran terbuka ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya bersetuju dengan sahabat saya denda RM500,000 dengan penjara tidak lebih daripada 5 tahun ini pada pandangan saya sebagai orang yang bersimpati

dengan petani-petani yang memang bergantung besar kepada usaha pertanian secara tradisional, ini adalah terlalu tinggi. Kerajaan perlu menimbang semula supaya ianya bersesuaian dengan kesalahan yang dibuat sebab macam saya sebut tadi akibat jerebu ini bukan hanya berpunca daripada pembakaran terbuka. Pembakaran terbuka ini kalau kita kaji balik memang pernah berlaku di satu masa dahulu – tidak ada kawalan langsung tetapi jerebu ini tidak begitu mendesak. Jerebu ini sebenarnya akibat daripada El-Nino, akibat daripada cuaca yang berterusan panas ia berlaku kebakaran. Sebab itulah timbul masalah jerebu dan kalau kita hendak kaji balik akibat daripada jerebu itu orang yang menjadi mangsa sama ada kematian ataupun penyakit tidaklah sehebat mana daripada denda yang kita hendak kenakan kepada petani yang terlibat dengan kebakaran ini.

Oleh sebab itu kita wajar mengkaji balik sama ada denda itu sesuai dengan enforcement (penguatkuasaan) yang kita hendak buat kepada orang yang terlibat dan kita percaya tidak ada manusia yang sengaja hendak melakukan kebakaran terbuka lebih-lebih lagi hendak memusnahkan tanah mereka sendiri yang sekurang-kurangnya mungkin ada sedikit sebanyak pokok-pokok yang boleh memberikan hasil.

Jadi, dengan kata-kata itu saya turut menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebanyak, kalau tidak salah saya sembilan orang telah mengambil bahagian dalam membahaskan akta ini. Terima kasih atas minat yang begitu tinggi yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat. Apa yang saya jangka semalam, dengar-dengar daripada 'intelligence' yang saya dapat cuma dua orang atau tiga orang hendak bercakap, hari ini sudah 300 peratus meningkat – sembilan orang. Ini menunjukkan minat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat sebelas orang.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelas kesemuanya.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Oh, sebelas. Minta maaf, barangkali catatan saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dalam rekod saya sebelas.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Ya. Terima kasih di atas minat yang ditunjukkan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang suka kepada kecelakaan ini – jerebukah yang menyusahkan rakyat. Tidak ada siapa yang hendak, menyusahkan!

Tidakkah kita ingat tahun lepas, apabila jerebu melanda begitu mendadak bacaan indeksinya lebih daripada 500, tidak ada siapa yang jangka pergi kepada hampir-hampir 700. Terpaksa diisytiharkan darurat. Belum pernah berlaku dalam sejarah negara kita yang kita sayang semua ini. Jadi, undang-undang ini dibuat bukan hendak menyusahkan orang Tuan Yang di-Pertua. Kita kena faham. Ahli-ahli Yang Berhormat juga bertanya – sibuk, banyak soalan mengenai dengan alam sekitar yang dibawa di dalam Dewan ini – apakah hukuman-hukuman, kenapa ini terlampau ringan, apabila ditambahkan daripada RM10,000 kepada RM100,000 berlaku lagi pembakaran demi pembakaran. Kita semua tidak suka ini tetapi ini telah melanda kita. Semua ini berlaku adalah atas kehendak Allah. Kita kena terima ini.

Tuan Yang di-Pertua, atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi saya menyanjung tinggi dan saya membuat catatan-catatannya dan pegawai-pegawai saya di kementerian pun membuat catatan-catatannya. Kita akan cuba mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan ini untuk tidak membebankan rakyat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi petani-petani yang membakar – mengusahakan tanah-tanah padi, ladang-ladang yang kecil itu – bukanlah mereka ini yang akan dikenakan denda. Kalau kita menakutkan dia, tentu dia akan takut. Sebenarnya bukan kepada mereka ini yang hendak dikenakan hukuman-hukuman ini. Hukuman-hukuman ini hendak dikenakan kepada mereka yang sengaja dengan niat yang tidak baik, kerana terlampau ghairah untuk mencari keuntungan. Menjalankan perniagaannya di sana sini, membakar hutan-hutan tanpa mengambil endah kepada keadaan sekeliling. Inilah dia orang-orangnya dan dengan semangat itulah undang-undang ini dibuat dan dipinda.

Syarat-syarat dan peraturan-peraturan untuk membakar memang boleh – ada. Bukanlah tidak boleh membakar. Kebetulan nama pun ‘bakar’ juga. Kini kita berada dalam dilema dan undang-undang ini bukan menyusahkan orang. Tidak ada siapa yang membuat atau mengarang undang-undang ini, yang memikirkan hendak menyusahkan rakyat jelata. Semua yang dibuat ini adalah untuk menolong menyenangkan orang ramai dan mungkin menyusahkan sedikit orang. Ini dia! Dan ini pada saya, bukanlah satu-satu yang boleh menakutkan orang tetapi ini hendak mengingatkan manusia bahawa kita yang tinggal di bumi Allah ini ada orang-orang lain yang mahu menghirup udara-udara bersih, yang mahu hidup lebih lama lagi dengan keadaan yang sihat. Jangan kita suka membakar tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Apabila kita telah bakar tempat-tempat ini, maka kita lari – kita tinggalkan, kita tidak hirau. Kita tidak mahu membayar kepada orang-orang yang menjaga untuk mengawal api ini kerana kita mahu menjimatkan kos, mahu untung banyak. Pembakaran dibolehkan dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut dan kawalan-kawalannya. Takkanlah kita hendak membenarkan pembakaran itu – kata 1,000, 2,000 hektar satu masa, tidak! Di mana tempatnya, dalam keadaan mana? Kalau keadaan-keadaan yang kering tentu kita tidak benarkan. Musim ini kita mengalami El-Nino, seluruh dunia mengalami El-Nino dan insya-Allah El –Nino ini akan habis pada jangkannya bulan Julai ini, insya-Allah.

Tahukah kita bahawa apa yang kita alami baru-baru ini, pembakaran telah berlaku ke atas 2 milion hektar tanah. Ini mengikut kajian Bangsa-Bangsa Bersatu – a study made by the United Nation, dengan izin dan memakan kerugian US\$4 bilion. Itulah economic lostnya. Kita dok jaga petani kita – ya, kita akan jaga. Saya hormat, wakil-wakil rakyat akan jaga petaninya. Kalau tidak sayang dengan petani kita siapa lagi, mereka yang mengeluarkan hasil-hasil ini untuk kita makan. Adakah kita mahu menghukumkan orang-orang ini yang memberi kita makan, yang membayar cukai-cukai untuk membangunkan negeri dan negara ini?

Saya mahu menarik salah satu daripada pendapat Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal tadi mengenai tanah-tanah yang banyak ‘the co-owners’ – tuan-tuan tanah. Yang sebenarnya itulah, kebenaran diperlukan kalau hendak membakar. Jadi, atas tanah-tanah macam ini undivided share, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ia kena dapat persetujuan semua orang. Itu peraturan tanah –

National Land Code, the co-owners must get the consent keseluruhannya. Jadi, dia bercakap tadi seorang sahaja. Takkanlah kita hendak buat perkara ini sewenang-wenangnya tanpa kajian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, macam yang berlaku seperti pencemaran sungai yang dikatakan tadi, kita bersimpati dengan dia. Kita akui bahawa ada juga pegawai-pegawai yang kadang-kadang tidak menjalankan tugasnya dengan begitu baik. Saya menerima aduan, kelmarin pun ada seorang Pak Haji dari Tanjong Karang ada datang. Dia telah melaporkan perkara ini tiga, empat tahun. Perkara ini kita akan selesaikan dengan cara 'administrative' – pentadbiran. Tolong beritahu kepada jabatan kita, kepada pejabat kita – insya-Allah. Ini bukan hendak pergi tangkap, ini bukan criminal. Bukan dia melakukan satu jenayah.

Tolong maklum dan saya berterima kasih kerana membawa perkara ini kepada Dewan yang mulia ini. Saya tahu banyak perkara yang barangkali setengah-setengah daripada pegawai kita yang cuai tetapi kebanyakan daripada pegawai-pegawai kita yang begitu bersemangat hendak menolong. Tinggalkan rumah tangga untuk masa-masa yang tidak tentu arah untuk menjalankan tugasnya. Walaupun keadaan kakitangan kita terhad oleh kerana kegawatan ekonomi, JPA – Bahagian Pengambilan Kakitangan Awam ini tidak membenarkan mengambil atau meng'recruit' kakitangan. Dengan kakitangan yang terhad kita jalankan juga kerja ini tetapi adalah benda-benda yang kekurangan. Memang ada, sebagai sifat manusia memang banyak yang kurang tetapi selagi.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersimpati dengan kementerian sahabat saya ini tetapi saya hendak tahulah dalam kita berdepan dengan keadaan kegawatan iklim ini, berapa ramai kekurangannya kakitangan di kementerian ini terutama mereka yang menjalankan penguatkuasaan. Fasal kalau sekiranya kurang sangat, kita takut besok, akta ini cantik tetapi on the ground, dengan izin, tidak dapat menjalankan pengawasan yang sebenar-benar diperlukan oleh keadaan semasa. Jadi, berapa yang kurang? Kalau terlalu kurang kita hendak menulis satu memorandum kepada pihak Kementerian Kewangan supaya membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Selamat datanglah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua baru pula – bertukar. Changing of guard, minta maaf. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Yang Berhormat, kita banyak kekurangan. Kita ada, kalau tidak salah, pada ingatan saya, pegawai penguatkuasa di seluruh negara hari ini lebih kurang 360 atau 370 orang. Bayangkanlah! Kawasan yang begini luas, kalau kita beri tiap-tiap negeri berapa. Barangkali Pahang yang sedikit kerana negerinya besar tetapi ini, insya-Allah. Jadi, kalau sudah disokong, diterima dan digunakan undang-undang ini barangkali, insya-Allah ini memberikan kita kekuatan untuk kita memohon menambahkan kakitangan lagi hendak menguatkuasa kerana fenomena kebakaran, jerebu ini datang tidak ada siapa yang jemput. Kita tidak suka tetapi ia datang.

Ini kita tahu sendirilah, ini fenomena alam, kejadian alam, fenomena melanda baru kita tahu fenomena. Terbalik, air panas naik bergelombang dekat pantai, macam-macam melanda negeri kita jadi kering, tidak pernah kita alami dan semua ini adalah kejadian alam dan kehendak Allah. Maha besar Allah, Tuhan yang menguasai sekalian alam, kita ingat ini dan kita bukan duduk sahaja. Itulah sebabnya

kita bawa semua ini untuk membuat pindaan-pindaan bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan dan lain-lain. Jangan kita ada salah sangka – no prejudice, dengan izin. Apa yang kita buat bukan kita mahu menghukumkan hamba-hamba Allah ini, rakyat yang memberi kita makan, minum dan membangunkan negara ini. Ini adalah untuk menentukan bahawa jangan dibuat sewenang-wenangnya memusnahkan alam ini untuk generasi yang akan datang. Kita yang hidup hari ini, yang berfikir hari ini, yang berkuasa hari ini, alhamdulillah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi dipersoalkan tentang seksyen-seksyen 29A – kesalahan, kemudian finenya 29B dan 29C, ada. Setiap apa yang dibawa ke mahkamah semua, ini setiap orang akan dilindungi oleh undang-undang. Tidak usah susahlah, tidak ada siapa yang akan dianiaya, itulah cara pemerintah, tonggak pemerintahan negara kita, jatinya. Tuan Yang di-Pertua, maka setiap orang boleh dibela, dia berhak untuk membuat pembelaan.

Jadi, setiap orang akan diadili dengan sebaik-baiknya dan kita memberi penuh keyakinan kepada sistem kehakiman negara kita. Saya tidak boleh persoalkan sistem penghakiman negara, kita memberi kuasa kepadanya dan dia akan menentukan. Kalau dia kata inilah kesalahannya maksimum RM500,000, maka dia kata RM5,000 sahaja. Kita pun tidak tahu, bukan hak kita. Kalau dia kata bahawa caj ini dibuat kerana ‘awak pada saat ini, ketika ini, di tempat ini telah melakukan ini’, dia kata ‘tidak salah’ dan dibicarakan, mungkin dia kemudian dibuang kes bahawa kebakaran itu berlaku tanpa pengetahuannya, ada defend dia.

Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat boleh maklumkan, sebarkan ke tempat-tempat tentang peraturan undang-undang tambahan yang dibuat dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling ini. Ini adalah untuk menolong kita. Kita memang tidak suka apa yang berlaku. Barangkali Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan juga masih ingat pada satu ketika kapal terbang tidak boleh turun di tempat kita, bagaimana susahnya kita kerana keadaan jerebu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah kerana pukulan angin, kita tahu. Daripada satelit-satelit yang dapat yang dilaporkan kepada kita, daripada kajian-kajian yang dibuat kita dapat kesakan ini semua, dan amaran demi amaran diberi, ingatan demi ingatan diberi kepada rakyat jelata dan kita harap perkara ini akan dapat diterima dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang istilah pembakaran terbuka, macam Yang Berhormat tadi kata, kalau kata terbuka, terbukalah, macam mana kita hendak define ‘terbuka’. Ada definisinya, tetapi takrif dan pengertiannya akan dibuat oleh hakim, argumentnya akan dibuat di mahkamah oleh prosecutor, pendakwa atau defend. Kita tidak boleh hendak membicarakan di sini, tetapi hakimlah. Kita cuma meluluskan ini undang-undangnya, ini peraturan dan tambahan ini. Kerana ini adalah kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kenapa ringan sangat dendanya, tengok kebakaran di situ, kebakaran di sini. Pembakaran memang dibolehkan, ada peraturan-peraturannya, cara-caranya, kontrolnya, kena digali parit barangkali sebesar ini supaya api tidak melarat, ada cara-caranya, mesti dikawal dan mesti dapat kebenaran. Kalau tidak, api akan merebak, api kecil-kecil jadi kawan, besar-besar jadi lawan, lari belaka, bercelaru semua masing-masing lepas tangan, pada hal dia yang cucuh. Kebenaran mestilah didapatkan.



Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan alam ini juga ada banyak apparatusnya, banyak jabatan-jabatannya. Mengenai air ada jabatan air, mengenai tanah di bawah kuasa kerajaan negeri, di bawah constitution, di bawah schedule 9. Semuanya ini kita tidak boleh memandai, kementerian di peringkat Federal. Banyak bicaranya, kita kena coordinate ini. Inilah birokrasi-birokrasi yang ada dalam pentadbiran kita, kita kena akui, tidak boleh sebarangan. Hutan di bawah kekuasaan kerajaan negeri, maka itulah diwujudkan Majlis Perhutanan Negara. Semua menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri negeri-negeri datang untuk koordinasi dan menyelaras. Ada Majlis Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail timbulkan denda dikenakan sesuai atau tidak. Ini pada pendapat kementerian dan pegawai-pegawai jawatankuasa yang memikir dan diangkat kepada Kabinet, dan disetujui cara ini, dan terpulang kepada hakimlah hendak denda berapa sen, berapa ringgit dia kena fine, ini bukan hak kita, terlepas daripada hak kita. Kita membuat undang-undang. Jadi, katalah kalau RM500,000 banyak sangat, tetapi berapa? Kita pun tidak tahu hendak anggar. Ini jangkaan kita daripada pemikiran yang rendah yang ada pada kita yang dapat difikirkan. Ini telah dipersetujui di peringkat Kabinet, belum dibawa kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pada saya, ini kita tidak boleh hendak soalkan. Tetapi saya berterima kasihlah atas pandangan-pandangan yang dibuat tadi oleh semua Ahli Yang Berhormat.

Saya tahu masa itu emas, penting kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama yang akan berangkat nanti. *[Ketawa]* Saya, kalau hendak bercakap lagi berasa boleh lagi hari ini, saya berasa sedap ini. Ini borderless world, kita bercakap fasal borderless world, *[Ketawa]* tetapi kita ada had (limitation). Kita hormat masa ini. Mana yang tertinggal, insya-Allah, pegawai-pegawai saya akan menjawabkan ini. Tetapi terimalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa apa yang dibuatkan ini adalah dengan niat yang baik, good intention, itu dia, dalam perundangan negara, good intention without malice, dengan izin. Tetapi bukan hendak 'gasak' petani-petani Kedah atau Perlislah, tidak. Bukan hendak gasak, tidak, jauh daripada itu. Ini without prejudice.

**Tuan Yang di-Pertua:** 'Gasak' itu apa?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Gasak itu...*[Ketawa]* Mana yang tertinggal, Tuan Yang di-Pertua, kita akan jawab. Kalau hendak pergi lagi memang panjang. Saya tahu ini menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat. Sepatutnya didahulukan bil ini, bukan dikemudiankan. *[Ketawa]* Ini topik yang hangat, tetapi hendak buat macam mana, ini pentadbiran dan semua ini berlaku adalah kehendak Allah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH (PENANAMAN SEMULA)  
(PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.49 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang bernama suatu Akta Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998 bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952.

Tujuan pindaan ini adalah bagi mensejajarkan peruntukan tertentu dalam ordinan ini dengan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 berikutan dengan penubuhan lembaga tersebut pada 1 Januari 1998 terutama dari segi kaedah pengutipan ses. Dengan pindaan ini ses tanaman semula dapat dikutip bukan sahaja bagi getah yang dieksport tetapi juga meliputi getah yang digunakan dalam negeri.

Terdapat dua jenis ses getah yang dikutip pada masa ini iaitu ses penyelidikan pada kadar 3.85 sen sekilogram dan ses tanaman semula pada kadar 9.92 sen sekilogram. Kutipan ses penyelidikan disalurkan kepada Lembaga Getah Malaysia sementara kutipan ses tanaman semula disalurkan kepada RISDA. Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) atau biasanya disebut Kumpulan Wang Ses telah diperkenalkan pada tahun 1952 sebagai satu kaedah bagi mewujudkan satu kumpulan wang yang membolehkan, menggalakkan dan membantu pekebun-pekebun kecil dan pemilik estet penanaman semula kawasan getah tua bila mana tiba waktunya. Pemulangan wang ses kepada sektor pekebun kecil disalurkan melalui pemberian bantuan tanaman semula sementara kepada estet adalah berasas bukti pengeluaran dan eksport estet berkenaan. Ordinan

Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) mewujudkan prosedur penggunaan dan pengutipan ses tanaman semula pada kadar 9.92 sen sekilogram bagi getah yang dieksport dari negara ini. Ses tanaman semula yang dikutip ini dimasukkan ke dalam sebuah tabung iaitu Kumpulan Wang Ses dan digunakan bagi membiayai Rancangan Tanaman Semula; dan
- (ii) mewujudkan sebuah badan berkanun yang dinamakan Lembaga Perusahaan Getah (Penanaman Semula) bagi mentadbir Kumpulan Wang Ses berkenaan bagi maksud melaksanakan rancangan tanaman semula.

Dalam tahun 1952 kerajaan telah memperkenalkan satu akta baru iaitu Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, Bilangan 85 Tahun 1972. Melalui warta ini RISDA telah ditubuhkan pada 1 Januari 1983 dan diberi tugas mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah; mengurus dan mengendali rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian 3 ordinan berkenaan serta merancang dan melaksanakan segala inovasi bagi sektor pekebun kecil.

Berpandukan Ordinan 1952, ses dikutip bagi getah atau keluaran getah yang dieksport dari Malaysia sahaja. Ketika peruntukan ini digubal pada tahun 1952, kesemua getah yang dikeluarkan oleh Malaysia, Tanah Melayu ketika itu, adalah untuk eksport sahaja.

Bagi tempoh 1952 sehingga awal tahun 1980-an semua wang ses adalah mencukupi bagi membiayai rancangan tanaman semula dengan sumbangan minimum daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, mulai pertengahan tahun 1980-an dengan perkembangan pesat sektor industri dalam negara, maka

sebahagian daripada getah keluaran Malaysia telah digunakan di dalam negeri oleh kilang-kilang pemprosesan yang mengeluarkan barang siap dan separuh siap. Oleh itu, tidak kesemua getah yang dikeluarkan telah dieksport. Getah yang digunakan oleh kilang dalam negara pada masa ini kira-kira 350 ribu tan metrik dan getah tersebut tidak dikenakan ses. Memandangkan ses dikutip pada peringkat eksport, quantum kutipannya setiap tahun bergantung kepada kuantiti getah yang dieksport dan ini pula dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pengeluaran getah negara, kuantiti getah yang dieksport dan penggunaan getah dalam negara. Jumlah kutipan ses pada satu tahun berdasarkan kadar ses 9.92 sen sekilogram getah ialah RM75 juta dan jumlah ini mampu membiayai program tanaman semula seluas 10 ribu hektar setahun pada kadar bantuan tanaman semula RM6,177 sehektar jika tanaman dengan getah atau RM4,478 sehektar jika ditanam dengan lain-lain jenis tanaman.

Dengan pindaan ini jumlah tambahan kutipan ses yang dapat dipungut ialah RM30 juta sehingga RM35 juta setahun. Jumlah tersebut boleh menampung program tanaman semula tambahan 5,000 hektar setahun. Maka oleh itu, wajarlah semua getah sama ada untuk dieksport atau diguna bagi kilang-kilang pemprosesan dalam negara dikenakan ses. Dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang peruntukan kerajaan untuk bantuan tanaman semula adalah terhad, sedangkan program tanaman semula masih perlu terus dipergiatkan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, RISDA terpaksa mengubah matlamat keluasan tanaman semula dari 35 ribu hektar setahun kepada 20 ribu hektar setahun disebabkan kekurangan peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan-pindaan penting dalam cadangan pindaan Ordinan Tahun 1952 ini ialah:

- (a) seksyen 2, tafsiran “getah”, getah meliputi getah asli dan elastomers yang diterbitkan dari getah asli atau getah asli bercampur getah tiruan;

- (b) seksyen 7, mengenai kuasa menetapkan ses adalah diberi kepada menteri yang bertanggungjawab ke atas RISDA setelah berunding dengan Menteri Kewangan. Tujuan pindaan Ordinan 1952 memperuntukkan kuasa-kuasa menteri berkenaan penetapan kadar, amaun dan kaedah kutipan ses dan kesalahan yang boleh diambil tindakan undang-undang bagi pihak yang tidak membayar ses; dan
- (c) peruntukan baru Bab V mengenai Kuasa Penguatkuasaan. Sebelum ini Ordinan Tahun 1952 tidak mempunyai peruntukan penguatkuasaan berkaitan kutipan ses. Peruntukan seperti ini adalah perlu bagi membolehkan tindakan berhubung dengan penguatkuasaan penyiasatan keterangan dan kesalahan dijalankan kepada pihak-pihak yang tidak membayar ses. Selain itu, dimasukkan juga peruntukan Bab VI Seksyen 37(41) mengenai pengkompaunan kesalahan, pendakwaan, bidang kuasa, membicarakan kesalahan dan kuasa memberi pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tarikh mula pelaksanaan kutipan ses bagi getah yang tidak dieksport ini, kementerian mencadangkan supaya ianya dilakukan serentak dengan tarikh pelaksanaan kutipan ses oleh Lembaga Getah Malaysia mulai 1 Julai 1998. Oleh kerana tugas RISDA dalam operasinya adalah berkait rapat dengan tugas Lembaga Getah Malaysia, maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan RISDA akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Getah Malaysia dalam apa-apa bidang aktiviti dan penguatkuasaan undang-undang ini demi kebaikan sektor pekebun kecil dan industri getah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan undang-undang kutipan ses seperti getah yang tidak dieksport ini dan berdasarkan kepada kadar ses 9.92 sen sekilogram akan mendatangkan ses tambahan kepada RISDA sebanyak RM30 juta

hingga RM35 juta setahun. Jumlah tambahan ini boleh menampung tambahan program tanaman semula seluas 5 ribu hektar dari keluasan asal 10 ribu hektar jika bergantung semata-mata kepada kutipan ses bagi getah yang dieksport sahaja. Di atas langkah ini keputusan kerajaan untuk meminda Ordinan Tahun 1952 perlu diberi sokongan dan kita yakin dapat memberi sumbangan bagi menambah sumber pembiayaan program tanaman getah semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

**5.57 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap pendek sahaja, mungkin lima minit sahaja.

Pertamanya, saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi hendak menegur dahulu pihak kementerian. Saya tengok di sini naskhah sahih Bahasa Kebangsaan iaitu akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952.

Kemudian di belakangnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris tetapi dalam naskhah Bahasa Kebangsaan ini kenapa yang dicampuradukkan bahasa Inggeris dengan Bahasa Kebangsaan ini? Tengok di sini dikatakan naskhah Bahasa Kebangsaan, kemudian fasal-fasal seterusnya dalam bahasa Inggeris, di sinilah bahasa Inggeris sepenuhnya. Dua kali ulang bahasa Inggeris manakala kita tengok Rang Undang-undang Lembaga Kelapa Sawit, tebal bukan main, semua dalam Bahasa Malaysia, yang naskhah sahih Bahasa Malaysia, yang bahasa Inggeris,

bahasa Inggerislah. Jadi ini saya mintalah supaya kementerian lain kali bila buat rang undang-undang ini dalam Bahasa Kebangsaan, gunakan Bahasa Kebangsaan. Bukan susah sangat. Saya baca dan kalau hendak translate kepada bahasa Malaysia cukup mudah. Cukup mudahlah, ini semua sekali bahasa Inggeris. Atas ini naskah sahah Bahasa Kebangsaan. Ini saya tegur supaya diambil berat. Nasib baik saya penyokong kerajaan, kalau tidak, memang saya tolak rang undang-undang ini.

Perkara yang kedua, saya hendak sebut satu perkara sebab saya tidak mahu bahaskan secara detail. Kalau hendak bahas rang undang-undang ini banyak, masalah nasib pekebun-pekebun getah ini mungkin sampai dua - tiga jam boleh bercakap kalau saya hendak bercakap. Cuma satu lagi yang saya hendak tegur ialah baru-baru ini ada 'perang mulut' dalam surat khabar iaitu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengkritik RISDA kononnya RISDA gagal menjalankan tanggungjawab dalam melaksanakan program tanaman semula sehingga beliau mencadangkan supaya RISDA dipindah kepada Kementerian Perusahaan Utama.

Saya baca dalam surat khabar, saya kata Menteri Perusahaan Utama ini bercakap besar, cakap banyak. Kalaupun ada perkara-perkara yang patut ditegur di kalangan kementerian dan agensi kerajaan, bawalah dalam mesyuarat Kabinet tidak payah membuat kenyataan terbuka, mengkritik sesama agensi kerajaan, sesama kementerian.

Sepatutnya begitu dan akhirnya dijawab oleh Pengerusi RISDA tetapi yang tidak baiknya, Tuan Yang di-Pertua, bila Menteri sendiri mengkritik agensi kerajaan dia memberi gambaran yang buruk dan menghilangkan kredibiliti kerajaan sendiri. Jadi sewajarnya mana-mana Menteri, kalau sudah terlanjur apa boleh buat, kita maafkan tetapi kalau sudah tabiat cakap banyak itu, tolong belajarlah, bukan menteri-menteri kita tidak ada pengalaman, sudah banyak pengalaman.

Sebab bila berita-berita seumpama ini keluar, jadi dikedok oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, yang anti kerajaan, berceramah di sana sini maka mereka code, dengan izin, apa yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan sendiri dan publisiti pun tidak sedikit keluar dalam surat khabar, banyak

tentang teguran kepada RISDA. Kalau pun mungkin RISDA ada kelemahan dan boleh dibaiki, kita boleh bercakap di sini tetapi tidak payahlah bercakap dalam surat khabar. Jadi saya hendak bercakap itu sahajalah. Cuma saya hendak register dengan lain perkataan dengan izin, my unhappiness, sebagai anggota Dewan yang mulia ini, saya tengok tidak senonoh sangat perilaku kenyataan-kenyataan seumpama ini yang boleh merosakkan kredibiliti. Sekian, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

**605 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong rang undang-undang ini kerana ianya mencerminkan keprihatinan kerajaan untuk menjawab keperluan semasa terutama sekali bila didapati getah masih lagi merupakan salah satu produk utama cash crop, dengan izin, di negara kita ini.

Tetapi seperti juga dengan saudara saya, Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim tadi, saya juga ingin menyatakan di sini bahawasanya media massa bukanlah ruang untuk Ahli-ahli Kabinet bertelagah kerana mereka sendiri mempunyai collective responsibility, dengan izin, tanggungjawab bersama menerusi Kabinet dan suara-suara hendak mengkritik satu-satu kementerian sepatutnya disuarakan di medan Kabinet sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu berapa sebenarnya mengikut perancangan kerajaan, Malaysia mampu menanam selain daripada ses yang wujud untuk menanam 15,000 hektar setahun tetapi mengikut perancangan kita, untuk hendak bersaing dengan peringkat pasaran getah antarabangsa yang kini banyak juga getah-getah tiruan dan sebagainya. Berapa sepatutnya Malaysia merancang setiap tahun tanam semula yang hendak diwujudkan? Kalau sekiranya kita memerlukan dari segi perancangan 30,000 hektar setahun, kita mesti mencari jalan dan berusaha untuk menanam 30,000 hektar setahun. Bukannya kita dituntut oleh berapa ses yang kita dapat kutip, kalau kita dapat kutip 75,000 ataupun tambah lagi dengan 30,000 dan mampu hanya dengan 15,000 hektar bererti kita kena cari



juga peluang/punca wang untuk menanam lebih daripada 15,000 hektar, kalau ini diperlukan.

Jadi, kita sepatutnya berasaskan perancangan kita dengan unjuran, dengan izin, world market, world demand barulah ianya merupakan perancangan yang terperinci. Saya juga ingin hendak bertanya, adakah perancangan menanam semula getah ini dengan klon yang baru itu merupakan juga penanaman dari segi getah dengan pembalakan kayu getah itu sendiri. Saya difahamkan ada spesis baru di mana getah sekarang ini kerana keperluan hutan kita sudah merosot, mungkin kita hendak menggalakkan tanaman getah dengan susu getah dan juga dengan pembalakan kayu getah itu sendiri.

Yang kedua-dua ini mungkin boleh meningkatkan lagi pendapatan ataupun kita kena membuat keputusan, adakah perlu kita menanam getah dalam keadaan sekarang. Adakah tanah ini lebih sesuai dari segi pendapatan untuk orang kampung menanam sentang atau menanam jenis pokok-pokok lain.

Jadi, ini kita kena kaji sungguhpun getah, kita jangan romantik dalam perkara ini. Jangan kita berasa emosional - oh, getah sejak 1952 kita sudah ada Lembaga dan kini kita hendak meneruskan getah dan getah tidak mempunyai pasaran kita terus tanam getah. Jadi saya hendak tahulah dari sikap kerajaan, kalau sekiranya tidak sesuai, stop tanam getah, tanam benda lain, sentangkah, jatikhah dan sebagainya.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sairin.

**6.13 ptg.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahar Rang Undang-undang Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998 dan saya akan cuba sesingkat mungkin, hanya 7 perkara.

Pertama, sepatutnya ses ini sudah lama dilaksanakan dan tidak dalam keadaan kegawatan baru kita memikirkan macam mana untuk mengutip ses sebanyak yang boleh sehinggalah timbul di mana satu ketika seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali dan Dato' Abdul Aziz,

RM600 juta itu menjadi kontroversi walhal sebenarnya wang itu tidak ada salah laku, salah pakai, menurut laporan yang saya baca.

Jadi, kerana ses inilah ianya berlaku dan saya juga sependapat dengan rakan-rakan yang telah memberi pandangan, kita satu keluarga, kita satu bumbung di dalam Barisan Nasional sepatutnya apa-apa pun harus dibincang di meja bulat ataupun cara kekeluargaan. Bukan melalui surat khabar, mencari siapa yang hebat, siapa yang bercakap lebih dan sebagainya.

Jadi, alhamdulillah sebab perkara ini telah selesai, pun begitu saya juga ingin memberi sedikit penjelasan mengenai dengan laporan yang saya baca dalam tahun 1996 - 97,679 hektar permohonan untuk membangunkan, menanam tanah getah ini kemudian 1997 - 80,000 hektar, 1998 - 67,000 hektar.

Jadi, RISDA hanya mampu menanam - menurut Setiausaha Parlimen tadi, dalam sekitar 15,000 hektar setahun. Jadi, kalau kita lihat dengan permohonan rakyat ataupun rakyat kita di seluruh negara nampaknya bukan sedikit. Saya bersependapat, adakah kita mempunyai atau memerlukan jumlah seluas begini ladang getah di seluruh negara. Walhal dalam keadaan sekarang, pendapatan penoreh-penoreh getah, peladang-peladang getah ini pun di taraf yang sungguh menyedihkan.

Saya difahamkan bahawa ada yang berpendapatan untung RM200 - RM400 sebulan yang mana masih dikategorikan di bawah kategori PPRT. Jadi, apakah kerajaan masih meneruskan tanaman getah atas permintaan penanam-penanam getah ini ataupun kerajaan mempunyai alternatif lain seperti menanam kelapa sawit dan seperti juga yang dicadangkan atau yang ditanya oleh rakan saya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Kalau tidak kita kena mencari sesuatu bagaimana kita hendak menaikkan harga getah ini, sebab seingatan saya, OPEC boleh menaikkan, menentukan harga turun-naiknya minyak dan kita ada persatuan yang dipanggil Association of Natural Rubber Production Countries yang dianggotai oleh salah satu daripadanya Indonesia, Thailand dan Malaysia. Tidakkah kita dapat menggunakan ini sebagai platform menaikkan harga getah ini, kalau tidak untuk apa kita menjadi ahli di sini.

Untuk apa menjadi ahli kepada persatuan yang tidak boleh menguntungkan kepada rakyat kita.

Keempat, sebagaimana yang kita maklum harga getah ini semakin lama semakin turun, jadi kalau ia merugikan ataupun mendatangkan musibah, masalah kepada rakyat berbanding komoditi yang lain seperti kelapa sawit, saya ingat kita tiada pilihan terpaksa ataupun kita cari alternatif supaya ia boleh dinaikkan dan kita gembira bila ada satu, apa yang telah diperkenalkan klon baru, saya tidak berapa ingat apa namanya dengan torehan LITS, iaitu saya difahamkan ia 'main' cucuk, ia cucuk tidak ikut macam zaman dulu, ia mesti ada beberapa puluh ekar, beberapa orang penoreh, ini dia tidak kira pagi, tengahari, getah ini, ia kena rangsang supaya susunya naik, baru cucuk dan kita boleh pasang plastik untuk tempoh tiga hari.

Jadi, saya nampak kalau ini betul-betul dapat diadakan kemungkinan terbelalah nasib penanam-penanam atau penoreh-penoreh getah yang masih cintakan getah ini sebab ia juga merupakan salah satu daripada hasil negara yang masih kita perlukan terutama keperluan di dalam negeri dan juga di luar.

Begitu juga dengan rakan saya, saya juga turut bertanya kepada kementerian, berapakah klon baru yang saya difahamkan RRIM2000, berapa tahunkah baru 'agroforestry', klon baru ini boleh ditoreh atau berapa tahunkah ia boleh dibalak dan perbandingan pendapatan seandainya ia dibalak dalam umur katakanlah 10 tahun dengan 20 tahun? Bagaimana pendapatannya, adakah pendapatan jika ditoreh sehingga dalam tempoh 10 tahun itu pendapatannya lebih baik daripada dibalak dalam tempoh 10 tahun ataupun pendapatan atau latexnya, susunya itu lebih baik jika ia dibiarkan sehingga 20 tahun, baru kita balak.

Jadi, dengan kata-kata itu saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim

**6.10 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan tadi. Oleh kerana nanti sahabat kita akan bertolak ke Sarawak dan hari ini adalah hari terakhir persidangan kita, ramai sahabat handai ingat akan rumah dan akan pulang ke kampung halaman masing-

masing, jadi hari ini perbahasan saya adalah pendek sekali, semua orang suka dengar. *[Ketawa]*

Saya menyokong, pertama. Kedua, saya ada satu hal hendak kemukakan untuk kementerian mengambil berat ataupun kementerian mengambil perhatian atas hal ini. Saya menerima aduan bahawa pekebun-pekebun kecil ada memohon supaya kebun getah mereka ditanam semula dan meminta bantuan kewangan ataupun elaun tetapi sudah lama tidak dapat diluluskan. Oleh hal yang demikian saya harap kementerian akan mengambil berat tentang hal ini dan meluluskan segala bantuan ataupun permohonan elaun untuk menanam semula getah di negara kita ini untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan saya yang pendek sekalikan? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Pembangunan Luar Bandar diminta jawab.

**6.02 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri saya ingin mengucapkan terima kasih kepada empat Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai rang undang-undang ini pada petang ini. Seperti rakan saya Yang Berhormat Yim Chee Chong cakap tadi ada rakan-rakannya hendak pergi ke Sarawak jadi masa sudah singkat. Jadi kebanyakan perkara yang disentuh tidak dapat dijawab walaupun apa-apa perkara yang tidak dijawab akan juga diambil perhatian oleh kementerian supaya ianya dapat diambil tindakan demi kepentingan pekebun-pekebun kecil di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat tadi termasuk Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin juga telah menyentuh mengenai media massa. Saya rasa perkara ini perlu diperjelaskan di sini kerana ianya boleh jadi salah faham di antara individu di dalam kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian seminggu yang lepas ataupun beberapa hari lepas perkara ini disiarkan di surat khabar, Yang Berhormat

Menteri Perusahaan Utama ada berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah memberitahu beliau bahawa apa yang disiarkan di dalam surat khabar adalah bukan apa yang dikatakan oleh Menteri tersebut. Dia menafikan dia ada membuat tuduhan yang seperti itu. Jadi bagi kita, dari kementerian kita terima penjelasan dari beliau dan kita menganggapkan perkara ini tidak ada berbangkit lagi. Ini terpulang kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan menjelaskan dengan media massa.

Kita memang bersetuju penuh dengan pendirian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa apa-apa masalah di dalam kerajaan dan juga mana-mana Menteri yang perlu membuat apa-apa komen, mereka ini memang ada ruang di dalam Kabinet, bukan di tempat-tempat yang lain. Kerana kalau pendapat itu dibuat di luar nampaknya Kabinet telah gagal untuk menyediakan satu ruang di mana segala masalah ini harus diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang diambil perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah mengenai industri getah. Di sinilah kerja ataupun peranan-peranan di antara Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh disalahtafsirkan. Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui RISDA, tugas kita adalah untuk menjaga kebijakan pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Kerana itulah tugas utama RISDA. Jadi masalah-masalah mengenai perancangan industri getah secara keseluruhan di negara ini adalah di bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama. Misalnya kita mungkin ada satu sasaran untuk mengeluarkan getah di negara dan ini adalah sentiasa dibuat di dalam Kementerian Perusahaan Utama.

Begitu juga mengenai usaha untuk menstabilkan harga getah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini juga adalah di dalam tugas Kementerian Perusahaan Utama. Jadi saya tidak boleh komenkan itu. Tetapi perkara mengenai kebijakan pekebun-pekebun kecil itu memanglah dalam bidang RISDA. Maka ke arah ini RISDA telah membuat pelbagai usaha membangunkan pekebun-pekebun kecil ini, antaranya ialah untuk membawa teknologi-teknologi terkini termasuk juga untuk mendedahkan klon-klon getah yang baru dan juga cara-cara penorehan

yang baru. Di mana kita berharap dengan cara-cara ini pendapatan para pekebun kecil ini dapat ditingkatkan. Begitu juga telah diberi peluang juga untuk pekebun-pekebun kecil untuk memilih apakah tanaman-tanaman yang lain supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan lebih dari yang sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang saya ingin jelaskan di sini. Seperti mana yang saya sebut dari awal tadi, apa-apa perkara yang saya tidak sentuh, ini akan diambil perhatian oleh kementerian dan oleh RISDA. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

### **Fasal 1 hingga 7 -**

**Tuan Pengerusi:** Silakan Dato' Abdul Aziz.

**6.18 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya hendak menguatkan hujah yang dibuat oleh saudara saya tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana berlakunya Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris dicampur adukkan ini tadi, kerana perkara itu tidak dijawab. Saya ingat ini penting untuk kita hendak membentangkan bill di Parlimen, untuk kita mengetahui apa sebabnya perkara ini berlaku dan bagaimana hendak mengatasinya pada masa akan datang.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Pengerusi, naskhah ini juga kita gunakan di Dewan Rakyat dan penjelasan yang diberi oleh pegawai adalah akta asal, Akta ibu rang undang-undang ini adalah dalam Bahasa Inggeris, maka sebagaimana yang boleh ia gunakan Bahasa Malaysia, di mana yang tidak boleh ia

gunakan Bahasa Inggeris. Tetapi saya berharap kementerian ambil perhatian perkara yang disentuhkannya itu tadi. Itu sebab saya sengaja tidak jawab tadi.

**Fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

**Tuan Yang di-Pertua:** Alhamdulillah, Majlis kita tamat sebelum pukul 6.30 petang. Majlis Mesyuarat ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.20 petang.***

.

